



PELAN STRATEGIK KADA

2023 - 2030



PELAN STRATEGIK KADA 2023 - 2030

Dokumen pelan strategik yang menggariskan aspirasi KADA ke arah kecemerlangan sebagai pemacu utama industri agromakanan untuk memperkasakan keterjaminan makanan dan pembangunan sosio-ekonomi golongan sasaran



Cetakan Pertama, 2024

Hak cipta © 2024 Lembaga Pertanian Kemajuan Kemubu (KADA).

Hakcipta terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan dalam bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, gambar, rakaman dan sebagainya, tanpa mendapat izin bertulis daripada KADA dan Penerbit GERIC terlebih dahulu.

ISBN: 978-629-98364-1-4

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

PELAN STRATEGIK KADA 2023 - 2030

Diterbitkan oleh:

Pusat Penyelidikan Keusahawanan dan Inovasi Global (GERIC)

Universiti Malaysia Kelantan

Tel: 09-771 7124/09-771 7123

e-mel: geric@umk.edu.my

Dicetak oleh:

Pustaka Aman Press Sdn Bhd

4200-A, Simpang Tiga Talipot, Jalan Sultan Yahya Petra, 15150

Kota Bharu, Kelantan

Tel: 09-7481849/09-7443681

e-mel: pap.korporat@gmail.com

PRAKATA

PENGERUSI KADA



Assalamualaikum wbt.

Pertanian merupakan salah satu tunjang penting dalam pembangunan sebuah negara. Perkembangan sistem pertanian negara telah memacu pertumbuhan ekonomi selaras dengan Dasar Agromakanan Negara 2.0 (DAN 2.0) yang dilancarkan pada tahun 2022. Pelancaran DAN 2.0 telah menjadi asas utama pengukuhan sektor pertanian dalam usaha menjana pendapatan negara.

Transformasi yang berlaku dalam sektor pertanian negara telah membuka ruang kepada perkembangan industri hiliran terutama melibatkan industri asas tani, agropelancongan, penyelidikan dan pemprosesan.

Selaras dengan DAN 2.0, KADA sebagai sebuah agensi peneraju dalam bidang penanaman padi dan agromakanan telah berjaya mendokumentasikan Pelan Strategik KADA 2023-2030 ke arah melahirkan golongan sasar yang berpendapatan tinggi. Pelan strategik adalah dokumentasi yang menjadi pemacu ke arah kecemerlangan aspirasi KADA dalam memperkasakan industri agromakanan yang kekal signifikan dan lebih terjamin dalam pembangunan sosioekonomi negara.

Sebagai sebuah agensi peneraju sektor agromakanan negara, kemampuan sektor ini penting sebagai teras yang memastikan keterjaminan bekalan makanan negara mencukupi dan tersedia buat seluruh rakyat di negara ini. Melalui pelan strategik ini juga KADA komited dalam memastikan jaminan kebolehcapaian sumber makanan dapat disediakan kepada masyarakat di negara ini dengan mengambil kira keperluan rakyat di kala negara berhadapan dengan krisis makanan global.

Berdasarkan teras yang terdapat dalam dokumen ini juga, KADA yakin dapat mengukuhkan sektor pertanian terutama dalam subsektor padi yang menjadi teras utama agensi ini khususnya bagi menjamin bekalan makanan yang mencukupi dan selamat kepada rakyat serta meningkatkan sumbangan kepada pendapatan negara dan usahawan tani.

Selain komoditi padi, pelan strategik ini turut memberikan pancaran kepada industri makanan dan asas tani terutama dalam menggalakkan dan mengenalpasti produk usahawan sedia ada dan baru yang perlu diberikan nilai tambah bagi meningkatkan keupayaan dan berdaya saing. Saya yakin pelan strategik KADA akan berjaya sekiranya semua pihak berganding bahu melaksanakan dan memperkukuhkan hubungan masing-masing dalam usaha menjayakan agenda sektor agromakanan negara.

Sekian, terima kasih

“KETERJAMINAN MAKANAN UNTUK MASA DEPAN”

**USTAZ MUHAMMAD BIN HUSAIN
PENGERUSI**

KATA ALU – ALUAN

PENGURUS BESAR KADA

Alhamdulillah bersyukur kita kehadiran Ilahi kerana dengan rahmat dan limpah kurniaNya dapat kita menyiapkan buku dan menerbitkan Pelan Strategik KADA 2023-2030 yang merupakan panduan hala tuju kepada Pengurusan KADA untuk melaksanakan segala perancangan dan seterusnya merealisasikan matlamat utama untuk meningkatkan pengeluaran padi dan beras serta meningkatkan pendapatan golongan sasaran.

Penyediaan Pelan Strategik ini juga mengambilkira program dan situasi semasa dalam negara yang mementingkan peningkatan dalam produktiviti makanan utama iaitu padi dan beras untuk menampung keperluan tanpa membelakangkan keselamatan penggunaannya oleh rakyat



Pelan strategik ini juga disediakan seiring dengan saranan kerajaan supaya melaksanakan proses transformasi bagi meningkatkan pencapaian dan pengeluaran hasil pertanian melalui penetapan Indeks Prestasi Utama (KPI) dan pendekatan teknologi dalam pelaksanaan kerja.

Pengurusan KADA menetapkan LIMA (5) teras utama bagi memastikan sasaran menuju kepada sebuah agensi yang unggul dalam pengeluaran makanan dan melahirkan petani yang berpendapatan tinggi menjelang tahun 2030 tercapai iaitu meningkatkan kuantiti rantai nilai pengeluaran industri agromakanan, meningkatkan kualiti produk, perkhidmatan dan pembangunan modal insan, memperkukuhkan rantai nilai yang lebih mampan dan berdaya saing, memperkasakan teknologi dan inovasi ke arah kecemerlangan pengurusan organisasi serta memperluaskan kerjasama dan meningkatkan penyertaan rakan strategik.

Saya amat optimis bahawa dengan strategi dan pelan tindakan yang digariskan ini mampu menjurus ke arah pencapaian visi, misi, objektif serta dapat meningkatkan perkhidmatan penyampaian kepada golongan sasaran di mana akhirnya sudah pasti akan meningkatkan pendapatan mereka. Dengan adanya pelan ini pihak pengurusan akan merangka dan melaksanakan sesuatu program dan aktiviti sepertimana yang terkandung dalam bidang skop yang ditetapkan.

Saya melakarkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung terutama kepada pihak Universiti Malaysia Kelantan yang merupakan rakan kongsi penting dalam menjayakan penghasilan Pelan Strategik ini. Saya juga berharap semua pihak di KADA akan sama-sama menggembeling tenaga dan berusaha bersungguh-sungguh untuk memastikan apa yang dirancang dalam pelan ini akan mencapai visi, matlamat dan objektif yang diharapkan terutama dalam perkara berkaitan dengan peningkatan pengeluaran makanan dan juga pendapatan golongan sasaran.

Sekian, terima kasih

"KADA MEMACU INDUSTRI AGROTEKNOLOGI BERKUALITI"

**MOHD FAIZUL BIN MUSTAFA
PENGURUS BESAR**



ISI KANDUNGAN

PRAKATA PENERUS KADA
MUKA SURAT I

KATA ALU-ALUAN PENERUS BESAR
MUKA SURAT II

SENARAI JADUAL
MUKA SURAT V

SENARAI RAJAH
MUKA SURAT VI

SINGKATAN
MUKA SURAT IIV

RINGKASAN EKSEKUTIF
MUKA SURAT VIII

BAB

- 1** **LANDSKAP PEMBANGUNAN KADA**
MUKA SURAT 1

- 2** **PENYATAAN STRATEGIK KADA**
MUKA SURAT 12

- 3** **PROSPEK DAN CABARAN**
MUKA SURAT 20

- 4** **STATUS DAN PENCAPAIAN SEMASA**
MUKA SURAT 30

- 5** **TERAS STRATEGIK DAN OBJEKTIF STRATEGIK**
MUKA SURAT 42

- 6** **KEBERHASILAN PELAN STRATEGIK**
MUKA SURAT 84

- RUJUKAN**
MUKA SURAT 94

- JAWATANKUASA PEMBANGUNAN DASAR & PENGHARGAAN**
MUKA SURAT 95

**SENARAI JADUAL**

Jadual 5.1	Meningkatkan Kuantiti Pengeluaran Komoditi Padi, Industri Makanan Dan Asas Tani	47
Jadual 5.2	Memperkasa Jaminan Bekalan Air	49
Jadual 5.3	Menerapkan Penggunaan Teknologi Automasi Dan Mekanisasi Dalam Pengeluaran Agromakanan	50
Jadual 5.4	Memperkasakan Pengeluaran Agromakanan di dalam Kawasan KADA	51
Jadual 5.5	Amalan Pertanian Baik Bagi Komoditi Padi Dan Bukan Padi	56
Jadual 5.6	Memperkasakan Usahawan Tani Dan Institusi Peladang	57
Jadual 5.7	Memperkasakan Sistem Penyampaian Perkhidmatan	59
Jadual 5.8	Menyediakan Perkhidmatan Teknikal Yang Berkualiti	60
Jadual 5.9	Pematuhan Garis Panduan Pengeluaran Produk	65
Jadual 5.10	Memperkasakan Kawalan Pengeluaran Dan Lepas Tuai	66
Jadual 5.11	Meningkatkan Kemahiran Perkhidmatan Ejen Pengembangan	67
Jadual 5.12	Meningkatkan Penggunaan Teknologi Kejenteraan Dan Pertanian Pintar	71
Jadual 5.13	Meningkatkan Pengurusan Aset Ladang Yang Efisien Dan Optimum	73
Jadual 5.14	Meningkatkan Kesedaran Penggunaan Teknologi Dan Inovasi	74
Jadual 5.15	Meningkatkan Perkhidmatan Digital Yang Holistik	75
Jadual 5.16	Meningkatkan Kerjasama Strategik Komoditi Agromakanan	79
Jadual 5.17	Memperkukuhkan Sinergi Usaha sama Ke Arah Peningkatan Pendapatan Tinggi Golongan Sasar	80
Jadual 5.18	Meningkatkan Pengurusan Berpusat Yang Efisien	81

**SENARAI RAJAH**

Rajah 1.1	Carta Organisasi KADA	3
Rajah 1.2	Ladang Merdeka dan SMART Sawah Berskala Besar	9
Rajah 3.1	Perasmian Penubuhan Lembaga Kemajuan Pertanian KEMUBU	22
Rajah 3.2	Perasmian Stesen Pam KEMUBU	22
Rajah 3.3	Mesyuarat Operasi Rancangan Pengairan KEMUBU	23
Rajah 3.4	Stesen Pam KEMUBU	23
Rajah 3.5	Sistem Bersepadu Rantaian Makanan	25
Rajah 3.6	Kerangka Cabaran Industri Asas Tani	26
Rajah 4.1	Tanaman Fertigasi Gantung di Bekalam, Bachok	34
Rajah 5.1	Lima (5) Teras Strategik	43



SINGKATAN

MTEN	Majlis Tindakan Ekonomi Negara
DAN	Dasar Agromakanan Negara
DPN	Dasar Pertanian Negara
KADA	Kemubu Agricultural Development Authority
PPK	Pertubuhan Peladang Kawasan
PSB	Pusat Sediaan Benih
SDG	Sustainable Development Goals
LVT	Local Verification Test
PKL	Pusat Kejenteraan Ladang
CPTM	Cawangan Pembangunan Teknologi Maklumat

RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelan Strategik KADA 2030 merupakan satu dokumen yang membentangkan aspirasi Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) mengenai hala tuju pembangunan KADA selari dengan Visi dan Misi Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM). Pelan Strategik KADA 2030 ini telah digubal berpandukan kepada Kerangka Sekuriti Makanan Negara, Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara 2021 – 2025, National Food Policy (NAP 2.0), Dasar Agromakanan Negara 2.0 (DAN 2.0) dan Buku RMKE11 2021-2025 KPKM. Pelan Strategik KADA 2030 ini mengandungi beberapa komponen yang menjadi teras dan sumber rujukan utama kepada perancangan dan pelaksanaan untuk KADA menjadi satu agensi peneraju dalam industri agromakanan bagi memperkasakan sekuriti makanan dan pembangunan sosio-ekonomi golongan sasaran.

Pelan Strategik KADA 2030 ini dapat mewujudkan ekosistem agromakanan dan keterjaminan makanan yang padu dan holistik disamping dapat memperkasakan sosio-ekonomi golongan sasaran. Pelan Strategik KADA 2030 ini dibangunkan adalah selari dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) iaitu:



RINGKASAN EKSEKUTIF

Pembangunan Pelan Strategik KADA 2030 ini adalah untuk memastikan pembangunan dan kecemerlangan KADA dapat dikembangkan secara sistematik disamping memperkasakan sekuriti makanan supaya memberi impak signifikan kepada hasil agromakanan negeri serta negara. Pelan Strategik KADA 2030 ini menggariskan lima (5) teras strategik yang disokong oleh 18 objektif strategik dan dipacu oleh 88 inisiatif.



Buku Pelan Strategik KADA 2030 ini akan dijadikan sebagai rujukan dan panduan utama kepada pihak KADA dan pihak kepentingan bagi memperkasakan agromakanan dan sekuriti makanan.



BAB 1

LANDSKAP PEMBANGUNAN KADA



1.1 Akta Parlimen

Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA), diluluskan pendaftarannya pada 31hb. Mac 1972 di bawah undang-undang Malaysia “Akta 69” dan dipanggil Akta Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu, 1972 dengan tugas dan fungsi sebagaimana berikut :

Memaju, menggalak, membangun dan mengusahakan pembangunan ekonomi dan sosial dalam kawasan Kemubu

dan;

Merancang dan mengusaha dalam kawasan Kemubu apa-apa kemajuan pertanian mengikut sebagaimana yang diuntukkan padanya oleh Negeri.

Lembaga adalah berkuasa melakukan segala perkara yang mustahak atau munasabah perlu atau yang bersampingan dengan menjalankan tugas-tugasnya, dan khususnya tetapi dengan tidak menyentuh keluasan kuasa yang tersebut di atas.


1.2 Fungsi Utama

Untuk mencapai objektif-objektif yang digariskan, KADA melaksanakan fungsi berikut berdasarkan wawasan pertanian YAB. Perdana Menteri dan Dasar Agromakanan Negara 2.0(DAN 2.0);

- Mengeluar padi dan beras untuk menampung keperluan beras negara.
- Mengeluarkan bahan-bahan makanan lain untuk memenuhi permintaan tempatan dan menampung keperluan makanan negara.
- Meningkatkan pendapatan per kapita keluarga tani selaras dengan pendapatan per kapita negara.
- Menggalak dan memajukan Industri Hiliran berasaskan pertanian.
- Membangun dan memperteguhkan Institusi Peladang untuk menaungi keluarga tani.

1.3 Organisasi KADA

Bagi mencapai objektif penubuhannya, KADA telah mewujudkan 8 bahagian bagi melaksanakan fungsi – fungsi yang telah ditetapkan. Bahagian – bahagian tersebut serta fungsi masing – masing adalah seperti berikut:



Rajah 1.1 Carta Organisasi KADA

1.3.1 Bahagian Pengurusan

- Menterjemah, menyebarkan serta menguatkuasakan peraturan melalui format pekeliling dan arahan kewangan dan kerajaan dan lembaga.
- Merancang, mengurus serta mengawal kewangan Lembaga meliputi belanja mengurus dan pembangunan.
- Merancang dan mengurus pembangunan sumber manusia untuk pegawai dan petani termasuk penilaian prestasi ke atas pegawai dan kakitangan lembaga.
- Merancang dan melaksanakan program peningkatan imej Lembaga dalam konteks hubungan dengan agensi-agensi luar.
- Merancang keperluan perjawatan serta mengurus pengambilan dan penempatan kakitangan.
- Mengawal keselamatan harta-harta milik Lembaga.
- Menyelaras dan mengurus segala perolehan dan bekalan.

1.3.2 Bahagian Perancangan dan Teknologi Maklumat

- Menggubal Rancangan Jangka Panjang dan Jangka Pendek berasaskan DPN, DAN, MTEN dan lain-lain dasar baru yang diperkenalkan oleh Kerajaan.
- Menyediakan permohonan peruntukan belanjawan pembangunan untuk Rancangan Malaysia dan tahunan.
- Menyelaras pengagihan peruntukan dan pelaksanaan projek-projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia.
- Mengenalpasti dan mengurus bidang-bidang kajian dan penyelidikan bagi memajukan pertanian dan golongan sasaran.
- Mewujudkan perhubungan dengan badan-badan pertanian dan pemakanan antarabangsa serta institusi tempatan untuk mendapatkan bantuan kepakaran dan penyelidikan.
- Membangun, memaju serta mengurus Sistem Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) serta menyalurkan informasi untuk kegunaan golongan sasaran dan awam.

1.3.3 Bahagian Pertanian

- Merancang dan melaksanakan tanaman padi 2 kali setahun secara sistematik dan berterusan.
- Merancang dan melaksanakan peningkatan hasil dan mutu padi melalui penggunaan teknologi input dan pengurusan moden.
- Merangka dan merancang aktiviti pengembangan dan latihan bagi meningkatkan pendapatan dan pengeluaran golongan sasar dalam pengeluaran padi.
- Merancang dan melaksanakan transformasi dalam industri padi melalui kesesuaian teknologi dalam pengawalan dan pengeluaran padi di kawasan KADA.
- Mengurus dan menyelaraskan bekalan input, insentif dan lain-lain program bantuan Kerajaan kepada petani padi.
- Merancang, mewujudkan dan melaksanakan pengurusan ladang komersial KADA.
- Merancang dan melaksanakan pengeluaran benih padi yang bermutu dan mencukupi bagi kawasan KADA.
- Menyelaraskan dan memperkembangkan sistem pemasaran pengeluaran padi KADA.

1.3.4 Bahagian Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal

- Merancang dan melaksanakan program-program pembangunan dan pemodenan komponen kejuruteraan mekanikal, kejuruteraan loji & kenderaan, kejuruteraan pertanian dan komponen kejuruteraan elektrik.
- Merancang dan melaksanakan program-program penyelenggaraan ke atas semua kemudahan-kemudahan dan peralatan kejuruteraan elektrik dan kejuruteraan loji & kenderaan dan kejuruteraan pertanian.
- Pengendalian perkhidmatan mekanisasi ladang yang meliputi perkhidmatan tenggala dan menuai.
- Merancang dan menyelaraskan kenderaan dan loji bagi penggunaan yang optimum dan cekap.
- Merancang dan melaksanakan program 'LVT' ke atas peralatan dan jentera bagi menyesuaikan dengan keadaan setempat.
- Merancang dan melaksanakan program-program komponen kejuruteraan elektrik dan pemasangan elektrik.
- Merancang dan mengendalikan operasi bekalan air dari stesen-stesen pam utama.
- Merancang dan melaksanakan program-program elektrifikasi rumah-rumah pam dan pintu air.

1.3.5 Bahagian Kejuruteraan Awam

- Menyediakan rancangan jangka panjang program pembangunan prasarana dan kemudahan asas bagi meningkatkan keupayaan sistem pengairan dan saliran dalam kawasan KADA.
- Merancang dan menyusun operasi pembekalan air ke sawah.
- Mengkaji, merancang dan menyelaraskan kerja penyenggaraan, menaiktaraf dan baik pulih sistem pengairan dan saliran kepunyaan KADA.
- Memantau keberkesanan khidmat pengairan, mengenalpasti kelemahan dan mengatur langkah-langkah untuk meningkatkan pengurusan air yang berkesan.
- Merancang, merekabentuk dan menyediakan spesifikasi ke atas projek-projek baru yang dicadangkan oleh Lembaga.
- Merancang, mengurus dan mengemaskini serta mendokumentasikan maklumat-maklumat kegunaan tanah (*Land-use data*) seluruh kawasan KADA.
- Merancang, merekabentuk dan menyediakan spesifikasi, anggaran kos, dokumen tender, penilaian tawaran tender dan seterusnya menguruskan pelaksanaan projek mengikut keputusan Lembaga Jawatankuasa Tender.
- Mengesan dan menilai kemajuan projek-projek yang sedang dilaksanakan.
- Merancang dan melaksana program pembinaan infrastruktur.
- Merancang, mengurus dan menyelenggara serta menaik taraf bangunan Ibu Pejabat dan premis-premis milik KADA.
- Merancang dan mengurus keperluan jalan ladang dan penyelenggaraan seluruh kawasan KADA.
- Mengurus persiapan bagi majlis-majlis rasmi anjuran Lembaga.
- Merancang serta melaksana siasatan ke atas permohonan perubahan syarat dan kegunaan tanah.

1.3.6 Bahagian Pengembangan Petani

- Merancang, mengurus dan melaksanakan program latihan / kursus pegawai dan golongan sasar.
- Mengurus peperiksaan jabatan untuk pegawai / kakitangan.
- Mengurus Pusat Latihan Pertanian KADA di Melor dan di Lojing.
- Mengurus dan menyelaraskan program latihan industri penuntut Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta.
- Merancang, mengurus dan melaksanakan program pengembangan penyampaian kelompok sasaran terfokus.

1.3.7 Bahagian Institusi Peladang

- Menjalankan kuasa-kuasa Wakil Pendaftar Pertubuhan Peladang.
- Merangka Rancangan Jangka Panjang, Sederhana dan Pendek pembangunan Institusi Peladang KADA.
- Membimbing dan menasihati pengurusan dan pergerakan perniagaan serta perkhidmatan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK).
- Menyediakan khidmat pengurusan dana dan kewangan serta memberi perakuan berhubung dengan permohonan Institusi Peladang mengikut peruntukan Undang-undang.
- Merancang dan merangka program-program sosio-ekonomi bagi meningkatkan taraf hidup dan kesejahteraan keluarga peladang.
- Menterjemah dan mengedar pekeliling-pekeling dan arahan-arahan Pendaftar dan KADA yang berkaitan dengan pembangunan Institusi Peladang untuk dilaksanakan di peringkat PPK.

1.3.8 Bahagian Industri Makanan dan Asas Tani

- Merancang dan mengurus pengeluaran dan meningkatkan mutu tanaman bukan padi seperti sayur-sayuran, buah-buahan, herba, hortikultur, kayu-kayuan, ternakan, ternakan air, kraf dan lain-lain.
- Mengenalpasti dan menggalakkan pengeluaran dan pemprosesan produk nilai tambah yang sesuai untuk pasaran.
- Merancang dan melaksana pembangunan keupayaan usahawan bagi meningkatkan daya maju dan berdaya saing.
- Menggalak, menyusun semula dan memodenkan pengeluaran perusahaan kecil dan sederhana (PKS) supaya lebih dinamik dan berdaya saing di peringkat global.
- Merancang, menggalak dan menganjur aktiviti promosi produk-produk hasil petani dan usahawan KADA.
- Menyelaras dan membantu menyediakan kemudahan kewangan dan bantuan sama ada dari Kerajaan atau swasta dalam program industri bukan padi.
- Menggalakkan penglibatan sektor swasta dalam industri pengeluaran makanan dan pemasaran.
- Memantau, mengenalpasti dan menyelaras kursus dan latihan yang berkaitan kepada petani dan usahawan.
- Menyelaras dan bekerjasama dengan lain-lain agensi dan pakar-pakar yang berkaitan pengeluaran, penyelidikan dan perusahaan makanan dan bukan makanan bagi meningkatkan produktiviti, kecekapan pengeluaran dan pemasaran yang efisien.
- Memperkukuhkan sistem pemasaran dengan membangun dan menggalakkan rangkaian pemasaran, pembungkusan dan pengiktirafan yang melibatkan produk-produk petani dan usahawan.

1.4 Produk Utama KADA

1.4.1 Komoditi Padi

Tanaman padi adalah komoditi utama dalam kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA). KADA mensasarkan pengeluaran padi akan ditingkatkan kepada 310,000 tan dengan kadar pengeluaran 6.0 tan/hektar dan keluasan sehingga 52,000 hektar bagi mencapai tahap sara diri negara sebanyak 80% sehingga 2030. Peningkatan pengeluaran komoditi padi menerusi konsep seperti di bawah:

- Ladang Merdeka dan SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) iaitu perladangan padi secara komersial berteraskan teknologi moden di bawah pengurusan berpusat.
- Estet Padi atau perladangan berkelompok iaitu permuafakatan petani mengusahakan sawah secara bersepadu di bawah bimbingan KADA.



Rajah 1.2 Ladang Merdeka dan SMART Sawah Berskala Besar

1.4.2 Komoditi Agromakanan (Industri Asas Tani)

Kawasan KADA amat berpotensi untuk menjadi pengeluar utama produk asas tani kerana memiliki bahan mentah dan kepakaran tersendiri pengusahanya. Program pembangunan industri asas tani akan ditingkatkan dengan melahirkan lebih ramai usahawan baru di samping membangunkan lebih banyak produk baru dan menaiktaraf produk sedia ada bagi menjadikan KADA sebagai pengeluar makanan serantau. Penekanan adalah kepada pengeluaran berskala besar berteraskan teknologi moden untuk pengeluaran produk yang berkualiti selain menumpukan kepada aspek pembungkusan, pelabelan dan memperluaskan program promosi serta pemasaran.

1.4.3 Komoditi Agromakanan (Sayur-Sayuran)

Pengeluaran sayur-sayuran dalam kawasan KADA akan ditingkatkan bagi memenuhi keperluan pasaran. Tumpuan diberikan kepada usaha memajukan jenis sayur-sayuran, tanaman herba dan tanaman industri yang bernilai tinggi dan berpotensi seperti cili, tomato, kubis, peria dan terung. Untuk itu, penggunaan benih hibrid dan bioteknologi akan dikembangkan bagi meningkatkan produktiviti.

1.4.4 Komoditi Agromakanan (Buah-Buahan)

Pengeluaran buah-buahan akan ditingkatkan dengan tumpuan untuk mengkomersialkan jenis buah-buahan yang bernilai tinggi dan berpotensi untuk pasaran tempatan dan eksport. Antaranya manggis, betik, nanas, tembikai, melon, mangga, nangka, jambu batu, limau, pisang dan juga komoditi baru seperti pitaya. Lebih banyak kawasan tanaman baru akan di majukan di samping membaik pulih kawasan sedia ada bagi meningkatkan produktiviti.

1.4.5 Komoditi Agromakanan (Ternakan)

Pengeluaran produk ternakan seperti daging lembu, kambing, ayam, itik dan puyuh akan ditingkatkan bagi peningkatan pengeluaran hasil pertanian. Sekumpulan penternak dan usahawan serta swasta digalakkan untuk bergiat aktif dalam aktiviti penternakan haiwan berentitikan komersial dan teknologi moden. Lebih banyak kawasan yang sesuai dan strategik akan dimajukan bagi tujuan ini termasuk penternakan secara insentif dan fidlot.

1.4.6 Komoditi Agromakanan (Ternakan Air)

Aktiviti penternakan ikan air tawar dalam tali air dan kolam akan digalakkan bagi meningkatkan pengeluaran produk perikanan air tawar dan menambahkan pendapatan. Tumpuan diberikan kepada beberapa spesis ikan air tawar yang bernilai tinggi. Galakan juga akan diberikan untuk pengeluaran ikan hiasan yang bernilai tinggi seperti ikan mas, koi, discus dan arowana. Keupayaan pengeluaran benih ikan berupa sangkar, benih ikan dan makanan kepada penternak.



BAB 2


PENYATAAN STRATEGIK KADA

2.1 Konsep Pembangunan Pelan Strategik

Pengurusan pelan strategik merupakan satu proses berterusan yang boleh digunakan untuk menyediakan hala tuju agensi yang jelas dan boleh dicapai. Bagi merealisasikan hasrat tersebut, agensi terlibat perlu membangunkan pelan strategik yang komprehensif. Pengurusan pelan strategik yang berkesan bermula dari pembangunan dan penyediaan pelan strategik yang sistematik. Komponen utama dalam pelan strategik adalah usaha merangka dan merancang dasar, menentukan program dan tindakan bagi mencapai matlamat agensi dan seterusnya menyumbang kepada pencapaian agenda khidmat penyampaian kepada golongan sasaran amnya dan kerajaan khususnya. Terdapat lima komponen utama yang terlibat:



Oleh itu berbalik kepada pelan strategik KADA, ia perlu merangkumi daripada pernyataan Visi, Misi, isu strategik, teras strategik dan pelan tindakan menerusi indikator:



Dalam merangka pelan strategik KADA, dua (2) fasa dirumuskan seperti berikut bagi melonjak KADA ke satu dimensi yang lebih mampan.

Fasa Pertama dalam tempoh tiga tahun memberi tumpuan kepada membangunkan keupayaan beroperasi termasuk menyediakan staf yang berkeelayakan, menaik taraf infrastruktur dan menambah baik sistem organisasi. Dalam fasa ini turut diselitkan lima (5) Teras Strategik yang dibangunkan selari dengan tahap kesiapsiagaan dan kemampuan KADA yang optimis dengan kejayaan masa hadapan. Merealisasikan hasrat dan aspirasi ini, KADA melihat ini satu peluang yang sama-sama diusahakan bagi mencapai matlamat yang unggul dipacu oleh sokongan dari pihak kerajaan dan juga swasta.

Fasa 2023-2025

Fasa 2026-2030

Buku ini juga menjadi panduan bagi menyusun naratif aspirasi Fasa Kedua yang dilihat semakin mencabar ke arah merealisasikan Visi dan Misi serta mencapai aspirasi negara maju yang inklusif dan mampan. Di dalam kitaran ini, KADA akan mula mengorak langkah melengkapkan dan memoptimalkan segala kekuatan untuk diterima oleh semua peringkat sebagai peneraju agromakanan ke arah golongan sasar berpendapatan tinggi. Aspirasi pelaksanaan Fasa Kedua ini berfokuskan kepada kecemerlangan menerusi operasi yang progresif dan dinamik.

2.2 Visi

KADA telah menggariskan visi Pelan Strategik KADA 2030 seperti berikut:

Menjadi satu agensi peneraju dalam industri agromakanan bagi memperkasakan sekuriti makanan dan pembangunan sosio-ekonomi golongan sasaran

Untuk mencapai Visi yang telah digariskan, KADA memberi perhatian yang serius terhadap beberapa inisiatif terhadap hala tuju dalam naratif yang telah ditetapkan seperti:

Peneraju dalam Industri

**1**

KADA berkeupayaan menjadi agensi utama untuk menghasilkan produk yang berkualiti tinggi seiring matlamat kerajaan dalam mencapai Pendapatan Negara Kasar (PNK). Di samping itu penekanan dalam pembangunan dan inovasi terkini akan diperluaskan bagi mencapai rantai nilai yang kukuh dalam melahirkan usahawan yang berdaya saing di pasaran tempatan dan global.

Sekuriti Makanan

**2**

Menyedari kepentingan sekuriti makanan sebagai pemacu kepada kelestarian ekonomi, KADA senantiasa akan membantu kerajaan bagi menjamin ketersediaan, akses, penggunaan, kestabilan dan kemampuan sektor agromakanan. Menerusi kepelbagaian produk agromakanan yang berinovasi tinggi, akses kepada infrastruktur pemasaran dan peluang promosi yang lebih giat akan dipertingkatkan bagi mengenalpasti pasaran yang lebih meluas.

Pembangunan Sosio-Ekonomi Golongan Sasar

**3**

Dengan persekitaran yang kondusif bagi membantu meningkatkan pendapatan sosio-ekonomi dan kesejahteraan golongan sasaran, KADA sentiasa positif dalam membantu mereka dalam membudayakan elemen keusahawanan menerusi akses yang lebih komprehensif terhadap latihan kemahiran. KADA memberi penekanan yang inklusif dengan membantu mereka dalam mengembangkan dan memperkayakan diri dengan teknologi dan inovasi yang sedia ada dan terkini. Dengan ini, KADA optimis dalam memperhebatkan pengeluaran dan produktiviti padi berasaskan cetusan idea baru. Tidak dilupakan, industri bukan padi turut di fokuskan bagi memacu pertumbuhan komoditi pertanian.

2.3 Misi

Bagi merealisasikan misi, KADA akan menerajui dengan cekap dan berkesan melalui:

MISI



- Memodenkan Industri Padi dan Beras



- Mempertingkatkan Tahap Kecekapan Industri Agromakanan



- Mentransformasikan Sistem Pengairan dan Saliran



- Meningkatkan Pendapatan Golongan Sasar Melalui Pengukuhan Rangkaian Makanan



- Memberi Perkhidmatan Yang Efisien Kepada Pemegang Taruh

Bagi pemahaman yang lebih terhadap misi yang digariskan, sedikit penerangan seperti berikut dinoktahkan.

2.3.1 Memodenkan Industri Beras dan Padi

Strategi bagi memodenkan beras dan padi ini dilihat mampu untuk menjadi agen perubahan atau pemangkin transformasi sektor pertanian KADA yang lebih dinamik menerusi penyusunan semula kaedah yang dirangka.

2.3.2 Mempertingkatkan Tahap Kecekapan Industri Agromakanan

Sebagai sebuah negara yang kompetitif dalam menghasilkan produk makanan, KADA dilihat mampu membantu dalam mencapai tahap kecekapan menerusi pemindahan teknologi, kemahiran golongan petani penternak, latihan berintensif tinggi kepada pegawai.

2.3.3 Mentransformasikan Sistem Pengairan dan Saliran

Evolusi sistem pengairan dan saliran menerusi penggunaan teknologi tinggi dan pembangunan bersepadu antara agenda utama dalam KADA. Penyelenggaraan dan penyelarasan infrastruktur secara berkala dilihat mampu untuk membantu penanaman padi dapat dilakukan secara sistematik dan memberi pulangan yang tinggi.

2.3.4 Meningkatkan Pendapatan Golongan Sasar Melalui Pengukuhan Rantaian Makanan

Kejayaan sektor pertanian yang memberangsangkan berikutan rantaian nilai yang kukuh dilihat mampu mencetus ke arah penjana pendapatan yang lebih tinggi kepada golongan sasaran. Ini dapat dicapai dengan memperkukuhkan lagi tahap penggunaan sumber pengeluaran yang optima.

2.3.5 Memberi Perkhidmatan Yang Efisien Kepada Pemegang Taruh

Dalam usaha menyampaikan perkhidmatan yang terbaik ini akan dapat merealisasikan objektif serta matlamat semua pemegang taruh yang ingin melihat KADA ditadbir serta diurus dengan penuh efisien, responsif dan berkualiti.

2.4 Elemen Penentu Kejayaan

Elemen ini perlu diberi perhatian untuk memastikan sasaran yang direncanakan berjalan seperti dirancang. Lima (5) elemen utama dikenalpasti sebagai penyumbang kepada kejayaan pelaksanaan pelan strategik ini seperti berikut:

Pembangunan dan penyediaan infrastruktur dan fasiliti yang kukuh berupaya untuk pertumbuhan ekonomi dalam jangka masa panjang dan peningkatan kualiti hidup golongan sasar. Akses kepada kemudahan asas seperti air yang mencukupi, jaringan jalur lebar yang berkelajuan tinggi dan sistem logistik yang teratur akan memberi signifikan impak kepada pihak yang berkepentingan. Bagi memenuhi komitmen ini, infrastruktur dan fasiliti yang telah uzur akibat dari faktor penggunaan yang intensif dan hakisan semula jadi, penyelesaiannya adalah melalui penggantian struktur utama yang baru. Kerja penyelenggaraan perlu dititikberatkan bagi memenuhi kehendak semasa.

01



Keupayaan infrastruktur dan fasiliti

02

Teknologi dan Inovasi



Dalam memastikan sistem penyampaian yang lebih cekap di KADA, penggunaan teknologi terkini diperlukan. Justeru itu, KADA sangat optimis dalam memperkemaskan dari masa ke semasa dalam memastikan agensi ini sebagai pemacu dalam memberikan perkhidmatan dan melaksanakan pentadbiran yang seiring dengan objektif yang ditetapkan. Pembangunan inovasi bersesuaian dengan golongan sasar antara ruang yang KADA sediakan bagi membantu kerajaan dalam memastikan sekuriti makanan dapat dipenuhi dengan baik. Di samping itu membolehkan KADA berada di tahap kompetitif dan produktiviti dimaksimumkan.

Jaringan Kerjasama strategik merupakan pendekatan dinamik yang diambil oleh KADA dalam memperkasakan industri agromakanan bersama dengan pihak yang berkongsi aspirasi, Visi dan Misi yang sama untuk memajukan sektor agromakanan selari dengan matlamat negara ke arah sekuriti makanan yang efisien. Kerjasama ini dapat mewujudkan sinergi yang membolehkan perkongsian pengetahuan, kepakaran, pemindahan ilmu, pemindahan teknologi, pembangunan inovasi dan peningkatan kapasiti pengeluaran antara pihak yang terlibat bagi kepentingan bersama. Jaringan kerjasama dengan pelbagai pihak termasuk pakar-pakar dalam bidang dilihat sebagai pembuka ruang dan peluang kepada usahawan tani KADA lebih berdaya saing dan mengorak langkah lebih jauh ke hadapan.

03



Jaringan Kerjasama Strategik

04



Kecekapan Pengurusan Organisasi

Struktur organisasi yang mantap, berkembang dan menguntungkan penting dalam mencapai Visi dan Misi yang dimatlamatkan. Oleh itu dalam hal ini, KADA sangat komited dalam penglibatan semua bahagian dalam meningkatkan kecekapan pengurusan operasi yang mana sangat membantu dalam pembuatan keputusan yang betul, cepat dan telus dengan tidak melupakan elemen risiko. Kecekapan pengurusan ini merangkumi penambahbaikan mekanisma, pelaksanaan dan pemantauan secara sistematik bagi penghasilan produk yang berkualiti. Dengan pengurusan operasi yang cekap, ia dapat memacu KADA ke arah pertumbuhan yang lebih baik seiring dengan agenda negara di dalam Dasar Sekuriti Makanan.

KADA bertanggungjawab memastikan aspek kelestarian kewangan diberi keutamaan. Matlamat ini dapat disasarkan dengan mengekalkan sumber kewangan dengan mempelbagaikan sumber pendapatan, amalan pengagihan belanjawan mengikut keberhasilan, perbelanjaan berhemah dan meningkatkan nilai produktiviti dan keusahawanan. Proses kerja kelestarian yang cekap, terancang dan berintegriti mampu memupuk kelestarian kewangan KADA ke arah satu mercu yang lebih baik di masa hadapan. Pelbagai inisiatif dipersembahkan dalam penambahbaikan produk agromakanan yang berkualiti, berinovasi dan mengikut arus semasa selaras dengan hasrat untuk penerokaan pasaran global yang lebih kompetitif.

05



Kelestarian Kewangan

BAB 3

PROSPEK DAN CABARAN

3.1 Prospek

Sebagai sebuah agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), KADA mempunyai prospek yang meluas dalam melaksanakan visi dan misinya bagi memenuhi matlamat negara dalam bidang pertanian dan keterjaminan makanan sebagaimana yang telah digariskan dalam Dasar Agromakanan Negara 2.0 (2021 -2030) dan Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara 2021-2025. Antara kekuatan dalaman yang menyumbang kepada potensi prospek adalah KADA sebagai sebuah agensi persekutuan yang berpengalaman dan berpengetahuan luas, memiliki kakitangan yang berpengalaman dan berkemahiran, kakitangan yang sentiasa dihantar untuk mengikuti latihan dan kemahiran mengikut peredaran semasa, mempunyai sumber kewangan yang kukuh dan mempunyai kuasa eksekutif. Manakala penerimaan sumbangan subsidi dan insentif daripada pihak kerajaan, penglibatan golongan belia dalam agensi agromakanan, ketidakcukupan bekalan makanan negara, Dasar Agromakanan Negara 2.0 (2021 -2030) dan rangkaian makanan yang meluas merupakan peluang luaran yang berpotensi untuk dimanipulasi oleh pihak KADA.

KADA telah disempurnakan penubuhannya pada 30 Mac 1972 melalui Akta 69, Akta Lembaga Pertanian Kemubu, 1972 dan dilancarkan dengan rasminya oleh Y.A.B. Tun Hj. Abdul Razak bin Hussein, Perdana Menteri Malaysia pada 2 Mac 1973. Justeru itu, KADA merupakan sebuah agensi persekutuan yang mempunyai pengalaman dan pengetahuan yang luas dalam bidang agromakanan. Sumber manusia yang berkualiti adalah elemen terpenting dalam memastikan sesebuah organisasi dapat terus berdaya saing dan berdaya tahan, lebih-lebih lagi dalam era globalisasi yang berlandaskan pengetahuan, serta bertunjangkan sains dan teknologi. Sebahagian daripada kekuatan yang dimiliki oleh pihak KADA adalah memiliki kakitangan yang berpengalaman dan berkemahiran dalam mengendalikan sesuatu tugas yang dipertanggungjawabkan. Justeru itu, bagi mengukuhkan pengetahuan dan kemahiran agar terus relevan, KADA sentiasa memastikan kakitangan yang ada dihantar bagi mengikuti latihan dan kemahiran dalam bidang masing-masing seiring dengan perkembangan semasa.



Rajah 3.1 Perasmian Penubuhan Lembaga Kemajuan Pertanian KEMUBU



Rajah 3.2 Perasmian Stesen Pam KEMUBU

Bagi melaksanakan agenda yang telah diatur, KADA juga telah diberikan peruntukkan kewangan yang agak besar oleh pihak kerajaan. Dengan sumber kewangan yang kukuh, KADA mampu melaksanakan program-program bagi mendokong agenda kerajaan dalam bidang pertanian dan keterjaminan makanan. Tanpa kuasa eksekutif, segala program dan agenda yang diatur tidak akan mampu dilaksanakan mengikut perancangan. KADA yang merupakan sebuah Badan Berkanun yang ditubuhkan di bawah Akta Parlimen telah diberikan kuasa eksekutif yang mempunyai kuasa autonomi dan peruntukan kewangan sendiri. Dengan kuasa eksekutif yang dimiliki, KADA mempunyai kebebasan dan peluang yang luas untuk merangka dan melaksanakan program dan agenda yang telah diatur.



Rajah 3.3 Mesyuarat Operasi Rancangan Pengairan KEMUBU



Rajah 3.4 Stesen Pam KEMUBU



KADA turut mempunyai potensi yang cerah sebagai ejen penggerak agenda keterjaminan makanan negara sebagaimana yang digariskan di dalam Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara 2021-2025. Antaranya adalah KADA menerima sumbangan subsidi dan intensif daripada kerajaan bagi disalurkan kepada golongan sasaran seperti pesawah, petani, peladang dan penternak. Sebagai contoh, sumbangan subsidi dan intensif yang disalurkan melalui KADA kepada pihak pesawah mampu mengurangkan kos pengeluaran padi seterusnya meningkatkan pendapatan pesawah.

Fokus kerajaan untuk meningkatkan penglibatan golongan belia dalam industri agromakanan juga merupakan satu kesempatan yang boleh dimanipulasi oleh pihak KADA. Golongan belia ini jika diberikan latihan, kemahiran, bantuan dan bimbingan yang secukupnya oleh pihak KADA, mampu menjadi usahawan tani yang menyumbang kepada agenda keterjaminan makanan negara. Seterusnya, ketidakcukupan bekalan makanan negara boleh memberikan kesan negatif kepada kemakmuran dan kesejahteraan negara. Dalam menghadapi isu ketidakcukupan bekalan makanan negara, KADA boleh memainkan peranan sebagai agensi yang membangunkan usahawan tani dalam meningkatkan hasil pengeluaran produk pertanian dan produk asas tani melalui perkongsian dan pemindahan teknologi, kemahiran serta pengetahuan.

Dasar Agromakanan Negara 2.0 (2021-2030) merupakan satu peluang yang baik bagi pihak KADA dalam mengukuhkan kedudukan agensi tersebut sebagai pihak yang mempunyai peranan yang penting dalam mendukung aspirasi dan hala tuju sektor agromakanan negara untuk lebih mampan, berdaya tahan dan berteknologi tinggi bagi memacu pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan kesejahteraan rakyat selain mengutamakan sekuriti serta nutrisi makanan negara.

Prospek seterusnya adalah rantai makanan yang luas. Keadaan ini membolehkan pihak KADA menumpukan peningkatan pengeluaran produk agromakanan melalui tanaman selingan, integrasi ternakan dengan komoditi industri dan memperkembangkan lagi industri hiliran untuk menambah nilai hasil pertanian.

RANTAIAN
MAKANAN YANG
MELUAS



Rajah 3.5 Sistem Bersepadu Rantiaian Makanan

3.2 Cabaran

- 
- 1 Kurang Kesedaran Terhadap Teknologi Dan Inovasi
 - 2 Kawasan Padi Tidak Diwartakan Bagi Tujuan Pembangunan
 - 3 Kebergantungan Kepada Satu Sumber Bekalan Air
 - 4 Infrastruktur Pengairan Yang Rosak Dan Intensiti Yang Rendah
 - 5 Teknologi Yang Keterbelakang
 - 6 Kemudahan Infrastruktur Yang Usang
 - 7 Sumber Air Yang Tidak Konsisten
 - 8 Lambakan Produk Pertanian Daripada Luar Negara
 - 9 Kos Pengeluaran Pertanian Yang Meningkatkan
 - 10 Perubahan Iklim Yang Tidak Menentu

Rajah 3.6 Kerangka Cabaran Industri Asas Tani



Dalam merealisasikan agenda keterjaminan makanan negara, banyak cabaran-cabaran yang perlu dilalui dan diatasi oleh pihak KADA samada cabaran di peringkat dalaman mahupun luaran. Antara cabaran dalaman yang dihadapi oleh pihak KADA adalah kurang kesedaran terhadap teknologi dan inovasi, kemudahan infrastruktur yang usang, teknologi yang terkebelakang, infrastruktur pengairan yang rosak dan intensiti yang rendah serta kebergantungan kepada satu sumber bekalan air sahaja.

Sistem penyampaian dan pemindahan maklumat, pengetahuan serta kemahiran yang tidak cekap kepada golongan sasaran menyebabkan terdapat segelintir golongan sasaran mempunyai tahap kesedaran teknologi dan inovasi yang rendah. Keadaan ini telah menyebabkan sasaran pengeluaran hasil pertanian yang telah ditetapkan gagal dicapai.

Kemudahan infrastruktur pengairan dan saluran yang usang juga merupakan cabaran yang besar kepada pihak KADA. Infrastruktur yang usang ini telah mengganggu bekalan air ke petak sawah seterusnya menyebabkan pertumbuhan pokok padi terjejas kerana bekalan air ke petak sawah yang tidak mencukupi. Keadaan ini boleh menyebabkan hasil padi berkurangan dan merugikan pihak pesawah seterusnya mampu menjejaskan imej KADA selaku pihak yang dipertanggungjawabkan untuk menguruskan kemudahan tersebut.

Selain daripada infrastruktur pengairan dan saluran yang usang, faktor lain yang menyebabkan ketidakcukupan air ke petak sawah adalah kerana infrastruktur pengairan yang rosak serta intensiti yang rendah. Cabaran seterusnya adalah dari segi teknologi yang dimiliki oleh pihak KADA. Peningkatan hasil padi dan mutu padi boleh dilaksanakan melalui penggunaan teknologi terkini. Penggunaan teknologi dan inovasi yang bertepatan dengan kehendak pengeluaran membolehkan peningkatan produktiviti dan pengurangan kos pengeluaran. Walaubagaimanapun, masalah teknologi terkebelakang yang dihadapi oleh pihak KADA mampu merencatkan rancangan serta sasaran hasil pengeluaran serta produktiviti.

Seterusnya, pada masa kini, KADA hanya bergantung kepada satu sumber bekalan air sahaja iaitu bekalan air sungai Kelantan yang disalurkan ke pam pengairan. Walaubagaimanapun, sumber bekalan air ini adalah tidak mencukupi terutamanya ketika menghadapi musim kemarau.



Ancaman daripada persekitaran luaran juga memberikan cabaran yang signifikan kepada pihak KADA dalam mendukung agenda keterjaminan makanan negara. Antara cabaran luar yang dihadapi adalah seperti kawasan padi tidak diwartakan bagi tujuan penanaman padi, sumber air yang tidak konsisten, perubahan iklim yang tidak menentu, kos pengeluaran pertanian yang meningkat dan lambakan produk pertanian daripada luar negara.

Penyusutan kawasan sawah padi boleh mengancam pengeluaran beras. Keadaan ini berlaku kerana kawasan sawah yang sedia ada telah bertukar status dan dibangunkan untuk tujuan komersial dan perumahan. Di samping itu, tidak ada pewartaan baru bagi kawasan penanaman padi untuk menggantikan kawasan sawah yang telah bertukar status kepada pembangunan.

Mempunyai air yang banyak untuk penanaman padi adalah amat penting. Namun begitu, terdapat cabaran mendapatkan bekalan air dalam jumlah yang banyak dan konsisten. Antara faktor yang menyumbang kepada bekalan air yang tidak konsisten adalah seperti keupayaan jentera dan pam yang digunakan untuk menyedut air, faktor cuaca, infrastruktur yang usang dan ketinggalan dan sebagainya.

Cabaran seterusnya yang dihadapi oleh pihak KADA dalam merealisasikan agenda keterjaminan makanan negara adalah faktor perubahan iklim yang tidak menentu. Perubahan iklim yang tidak menentu telah menjejaskan hasil pengeluaran padi serta tanaman pertanian yang lain. Perubahan iklim ini akan menyebabkan bekalan air dan sumber-sumber lain merosot, yang seterusnya akan menjejaskan tahap kesuburan tanah dan merebaknya serangan serangga perosak dan wabak penyakit.

Kos pengeluaran yang semakin meningkat juga merupakan antara cabaran luar yang perlu ditangani oleh pihak KADA. Kenaikan harga baja dan racun telah menyebabkan berlakunya peningkatan kos pengeluaran sekali gus mengurangkan pendapatan petani. Peningkatan kos pengeluaran ini telah menjejaskan hasil pendapatan petani, pesawah dan peladang sekaligus menjadi cabaran kepada pihak KADA dalam membantu golongan ini mengatasi masalah kenaikan kos pengeluaran pertanian.

Lambakan produk pertanian luar negara telah memberikan persaingan kepada petani tempatan dalam memasarkan hasil pertanian mereka. Sebagai contoh, masalah yang sering terjadi kepada petani cili atau lada umpamanya dalam beberapa tahun lepas, mereka tidak dapat menjual hasil pertanian mereka kerana lambakan hasil tani yang diimport dari negara luar, begitu juga dengan isu penternak dan tanaman lain. Apabila berlaku lambakan produk pertanian, kumpulan yang paling rugi adalah petani dan penternak tempatan kerana kebiasaannya barangan import akan menjadi lebih murah.

BAB 4

STATUS DAN PENCAPAIAN SEMASA



4.1 Padi

Tanaman padi merupakan salah satu tanaman penting di Malaysia memandangkan beras merupakan makanan ruji penduduk tempatan. Selaras dengan agenda penubuhan KADA iaitu memberikan perkhidmatan yang berkualiti, cekap dan berkesan dalam pengurusan sumber bekalan air, sistem pengairan dan saliran, serta penggunaan teknologi pertanian terkini telah membolehkan tanaman padi di buat secara dua kali setahun. Sehingga kini, KADA telah berjaya menguruskan tanaman padi seluas 26,833 hektar, mewakili seluas 12.76% kawasan Jelapang Padi Negara. Dalam usaha untuk memastikan pengurusan dan pentadbiran KADA dapat dilaksanakan secara sistematik dan berkesan, kawasan KADA telah dibahagikan kepada enam (6) jajahan iaitu jajahan Kota Bharu Selatan (KBS), Jajahan Kota Bharu Utara (KBU), Jajahan Bachok, Jajahan Pasir Puteh, Jajahan Pasir Mas dan Jajahan Tumpat.

Sebanyak 256,321 tan metrik padi telah dikeluarkan oleh KADA pada tahun 2021 yang telah menyumbang kepada 166,609 tan metrik beras dengan anggaran purata hasil padi bersih adalah sebanyak 4.874 tan per hektar. Intensiti penanaman padi pada tahun 2021 ialah 196% iaitu berdasarkan kepada keluasan bertanam padi pada Musim Utama iaitu seluas 26,300 hektar dan Luar Musim iaitu seluas 26,289 hektar. Apa yang menarik adalah, pengeluaran padi pada tahun 2021 telah meningkat kepada 256,321 tan berbanding dengan tahun sebelumnya tahun iaitu sebanyak 241,026 tan.

Bagi meningkatkan lagi kadar pengeluaran padi, KADA telah melaksanakan Projek Mini Estet Padi (MEP) yang merupakan antara program yang diperkenalkan bagi meningkatkan produktiviti padi iaitu melalui pendekatan amalan Good Agriculture Practice (GAP). Projek permuafakatan petani ini adalah merujuk kepada pendekatan mengerjakan sawah secara gabungan di mana pengurusan adalah di buat secara berpusat. Sehingga tahun 2021, sebanyak 215 projek MEP berjaya diwujudkan di mana 13 PPK telah terlibat secara langsung. Jumlah purata hasil dicatat pada tahun 2021 ialah 5.57 tan/ ha. Projek Ladang Merdeka adalah satu pendekatan pengurusan ladang secara komersil dan berskala besar. Projek peningkatan produktiviti padi ini bertujuan untuk memerdekakan kumpulan sasaran, merekabentuk ladang dengan saiz yang sesuai, berdaya maju dan membantu meningkatkan pendapatan peserta.



Bagi membolehkan penanaman padi di buat secara holistik dan sistematik, tanah-tanah sawah telah digabungkan. Ini membolehkan kos pengurusan ladang dapat dikurangkan melalui sistem pengairan dan saluran, jalan ladang, serta pemerataan tanah dibekalkan dalam satu pakej yang lengkap. Prestasi keseluruhan menunjukkan peningkatan yang agak signifikan selepas pelaksanaan SOP (Lamer-Tech) dalam pengurusan tanaman ladang. Apa yang menarik adalah, masalah siput gondang emas dan padi angin telah berjaya diatasi dengan baik. Pada tahun ini, prestasi hasil Ladang Merdeka pada Musim Utama 2020 / 2021 adalah 6.47 tan/ hektar manakala prestasi hasil pada Luar Musim adalah sebanyak 6.55 tan/hektar. Prestasi hasil keseluruhan Ladang Merdeka pada tahun 2021 ialah 6.51 tan/hektar.

Melalui Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan, dasar pemberian diperkenalkan kepada pengusaha yang mengerjakan sawah dengan keluasan maksimum 25 ekar (10.12 hektar). Pada Musim Utama tahun 2020/2021, di bawah Skim Subsidi Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP), sejumlah 5,529 tan Baja Sebatian dan 2,329 tan Baja Urea telah diedarkan kepada petani. Manakala bagi penanaman padi Luar Musim 2021, 5,560 tan Baja Sebatian telah diedarkan dan 2,340 tan Baja Urea telah diagihkan. Manakala di bawah Skim Insentif Pengeluaran Padi (SIPP), pengedaran Baja NPK Tambahan pada Musim Utama 2020/2021 adalah melibatkan sebanyak 4,514 tan manakala pada Luar Musim 2021 adalah sebanyak 4,541 tan diedarkan. Selain itu, KADA juga terlibat dengan Projek Benih Padi Sah. PPK Puteri Saadong telah dilantik sebagai pengeluar benih padi sah. KADA mempunyai empat (4) Pusat Sediaan Benih (PSB) iaitu PSB Tendong, PSB Puteri Saadong, PSB Jelor dan PSB Melor. Benih-benih padi yang dituai daripada ladang benih akan dihantar ke PSB tersebut untuk diproses. Varieti-varieti yang dihasilkan untuk kegunaan petani dalam kawasan KADA pada tahun 2021 adalah terdiri daripada jenis MR 297.



4.2 Agromakanan

Dalam usaha KADA meningkatkan pendapatan petani melalui kategori Bukan Padi, sistem pawah telah diperkenalkan dimana seekor lembu induk betina akan diberikan kepada peserta berdasarkan kriteria tertentu. Perjanjian antara KADA dan peserta (pemawah) akan tamat sebaik sahaja penyerahan balik seekor anak lembu yang berumur 1 tahun dari baka induk kepada pihak KADA. Keadah ini digunakan bagi membolehkan peserta lain pula yang layak untuk menerima berdasarkan kepada prosedur biasa pemberian bantuan. Manakala baka induk berserta anak lembu yang berikutnya akan menjadi hak milik peserta. Pada tahun 2021, penternak lembu yang bergiat aktif di kawasan KADA adalah seramai 306 orang dengan bilangan ternakan sejumlah 6,586 ekor. Melalui sistem pawah ini, pendapatan petani di sepanjang tahun 2021 adalah sebanyak RM 15.7 juta dengan jumlah lembu yang terjual sebanyak 5,009 ekor.

Tanaman sayur-sayuran dan tanaman kontan juga merupakan salah satu lagi program yang diperkenalkan oleh KADA untuk membantu para petani. Antara yang diusahakan adalah seperti Jagung Muda, Kacang Panjang, Bendi, Jagung Manis, Timun Batang, Terung, Lada Kulai, Petola dan Labu Air. Sepanjang tahun 2021, sejumlah 1,065 hektar kawasan telah diusahakan oleh 529 orang petani dan sejumlah 10,785 tan metrik sayur-sayuran telah dikeluarkan dengan nilai sebanyak RM 10.79 juta. Selain itu, KADA juga telah melaksanakan beberapa Projek Buah-Buahan Komersil seperti tanaman buah Tembikai, Labu Madu dan juga Nangka Madu. Projek ini telah dilaksanakan di sekitar Bakong, Nilam Puri, Mulong, Lubok Jambu, Banggol Nyor dan Kayu Rendang yang melibatkan keluasan 917 hektar. Jumlah pengeluaran yang berjaya dihasilkan adalah sebanyak 11,778 tan metrik dengan nilai RM 8.24 juta.




Rajah 4.1 Tanaman Fertigasi Gantung di Bekalam, Bachok

Bagi Sektor Industri Asas Tani (IAT), fokus utama adalah untuk membangun dan memperkasakan keupayaan usahawan KADA bagi membantu pengeluaran makanan negara serta memacukan eksport produk keluaran tempatan ke pasaran ASEAN dan juga global. Melalui usaha ini, pada tahun 2021 KADA telah berjaya melahirkan seramai 1,400 orang usahawan bimbingan dengan nilai jualan mencecah sehingga RM 62,438,176. Antara produk-produk yang dihasilkan adalah dibawah kluster-kluster seperti makanan segera, lauk-pauk, jus minuman, makanan separa berat dan juga aneka sos.

Kluster pengeluaran makanan segera telah memberi nilai tertinggi iaitu sebanyak RM 34,501,036 dan telah memberi sumbangan sebanyak 55.26 % daripada jumlah keseluruhan dengan bilangan peserta berdaftar seramai 974 orang. Antara produk yang dikeluarkan ialah murtabak, karipap, roti canai, kerepek pisang & ubi, bipang, kek serta pastri dan lain-lain lagi. Ini kemudian diikuti oleh kluster lauk pauk dengan nilai sebanyak RM 8,399,160 dengan melibatkan bilangan peserta seramai 116 orang. Kluster minuman dan jus pula memberi nilai terendah iaitu RM 3,711,680 atau 5.94 % dengan bilangan penyertaan seramai 71 orang.

4.3 Institusi Peladang

Pembangunan Institusi Peladang KADA adalah di bawah penyeliaan Pengurus Besar KADA selaku Wakil Pendaftar yang diwakilkan kuasa oleh Pendaftar di bawah Seksyen 7 (2), Akta Pertubuhan Peladang 1973 (AKTA 109). Selain bertindak sebagai Wakil Pendaftar, Pengurus Besar KADA juga berperanan dalam merangka rancangan jangka panjang, sederhana, dan pendek serta membimbing dan menasihati pengurusan dan pergerakan perniagaan serta perkhidmatan Institusi Peladang KADA. Pengurus Besar KADA juga bertindak dalam merancang dan merangka program-program sosio-ekonomi bagi meningkatkan taraf hidup dan kesejahteraan keluarga peladang. Penyeliaan Pembangunan Institusi Peladang merangkumi 13 buah Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dan sebuah Syarikat Perniagaan Peladang KADA (SPPK) Sdn. Bhd. Tiga belas (13) PPK dalam kawasan KADA berperanan meningkatkan taraf ekonomi dan sosial, menambah pengetahuan dan kemahiran, peningkatan hasil dan pendapatan serta memperbaiki cara hidup ahli-ahli dan mewujudkan masyarakat peladang yang progresif, berdikari, makmur dan bersatu padu melalui:-





Pengurusan PPK terdiri daripada penjawat KADA yang bertindak sebagai Pengurus Besar serta Pengurus-Pengurus Bahagian PPK. Manakala sebelas (11) orang Ahli Jemaah Pengarah (AJP) yang dipilih daripada kalangan-kalangan ahli PPK setiap tiga (3) tahun sekali yang berperanan sebagai Pembuat Dasar. Selain itu, PPK membiayai sendiri beberapa orang kakitangan bagi membantu meningkatkan lagi prestasi pengurusan PPK.

Sehingga akhir tahun 2021, sejumlah 37,339 orang telah menjadi ahli PPK iaitu bersamaan dengan 68.63 % berbanding dengan bilangan keluarga tani yang seramai 54,405 orang. Jumlah modal saham ahli terkumpul pada tahun ini adalah berjumlah RM 11,197,350 meningkat berbanding tahun sebelum iaitu sebanyak RM 10,807,971. Kempen penambahan saham dan kesedaran ahli tentang pulangan dividen yang diperoleh membantu dalam peningkatan jumlah modal saham PPK. Ini secara tidak langsung meningkatkan purata saham bagi setiap ahli PPK kepada RM 299.88 berbanding tahun sebelumnya iaitu sebanyak RM 277.97 (telah melebihi Purata Saham Nasional sebanyak RM200). Keahlian PPK pada tahun 2021 telah menurun kepada 37,339 orang. Keadaan ini berlaku selepas proses pemutihan dijalankan di semua PPK bagi mengenal pasti status setiap ahli PPK yang telah berdaftar.

PPK menjalankan pelbagai aktiviti perniagaan bagi memperkukuhkan sumber kewangan supaya mampu berdikari agar dapat memberi pulangan kepada ahli-ahli dalam bentuk dividen dan sebagainya. Pada tahun 2021, isipadu perniagaan keseluruhan PPK adalah berjumlah RM 47,145,425. Isipadu perniagaan merujuk kepada jumlah perolehan daripada perniagaan tidak termasuk jumlah perbelanjaan yang telah dikeluarkan. Jumlah isipadu perniagaan ini meningkat berbanding tahun sebelumnya iaitu RM 36,811,084. PPK telah mencatatkan jumlah keuntungan bersih sebanyak RM 2,922,850 meningkat berbanding tahun lepas yang telah mencatatkan jumlah keuntungan bersih sebanyak RM 2,723,160.

Pada tahun 2021 menyaksikan sembilan (9) buah PPK berada di dalam kedudukan Kategori B dan empat (4) PPK yang lain pula berada di dalam kategori A. Pengelasan kategori PPK ini adalah ditentukan berdasarkan penilaian prestasi tahunan bagi setiap PPK. Berbeza pada tahun 2020 di mana terdapat tujuh (10) PPK berada di dalam kategori A dan empat (4) PPK berada di dalam kategori B.

4.4 Pembangunan Teknologi Maklumat

Pembangunan Teknologi Maklumat KADA adalah bergerak seiring dengan misi serta visi KADA. Pembangunan ini melibatkan kepada tiga (3) komponen utama iaitu;



Bagi tujuan merancang dan meneraju program ICT, kontrak sewaan peralatan ICT yang melibatkan 90 buah komputer peribadi dan 15 buah komputer riba telah diteruskan sehingga hujung tahun 2021. Sewaan peralatan dibuat ini bagi membolehkan kakitangan KADA melaksanakan pengurusan kerja harian. Selain itu, penyelenggaraan aset ICT sedia ada merangkumi skop peralatan ICT, aplikasi sistem dan rangkaian telah di buat secara berkala melibatkan lokasi di Ibu Pejabat KADA, 6 Pejabat KADA Jajahan (PKJ), Stesen Pam dan Pusat Kejenteraan Ladang. Sehingga 2021, sistem insentif padi yang dikenali sebagai Sistem iPadi versi web telah diperluaskan penggunaannya bagi memudahkan pihak-pihak tertentu seperti di Bahagian Pertanian dan juga 13 PPK di dalam menguruskan data insentif dengan lebih baik, cepat dan sistematik. Ini juga adalah selaras dengan hasrat pengurusan tertinggi KADA untuk mewujudkan data raya KADA. Bagi tujuan mengurus dan memantau perkhidmatan Rangkaian Luas 1Gov*Net di KADA, sehingga 2021 sebanyak 20 lokasi telah dipasang dengan talian 1govnet di KADA.

Pembudayaan ICT adalah bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada kakitangan dan juga golongan petani KADA bagi menambah pengetahuan dan kemahiran ICT mereka. Antara aktiviti yang telah dijalankan sepanjang tahun 2021 adalah seperti mengadakan program-program secara hybrid di mana pihak CPTM bertindak sebagai penyedia peralatan dan memastikan rangkaian internet sedia digunakan. Berikut adalah program yang dilaksanakan :

- 
1. Webinar Pengembangan Petani sebanyak 6 siri
 2. Seminar Kebangsaan : Menelusuri Isu Kontemporari Dalam Pendidikan Dan Kesejahteraan Insan 2021 (SKIK21)
 3. Bengkel Penyediaan Buku Pelan Tindakan Anti Rasuah KADA
 4. Mesyuarat Agung Kelab KADA Kelantan
 5. Mesyuarat Agung Koperasi KADA
 6. Kursus Ms Office Tips & Trick
 7. Latihan Sistem Saga GRP 9.0
 8. Kursus E-mail MyGovUc 2.0



4.5 Perkhidmatan Kejuruteraan Awam

Bahagian Kejuruteraan Awam memainkan peranan untuk membuat rancangan jangka pendek, sederhana dan jangka panjang program pembangunan prasarana dan kemudahan asas bagi meningkatkan keupayaan sistem pengairan dan saliran dalam kawasan KADA. Bahagian ini juga bertanggungjawab dalam merancang, merekabentuk dan menyediakan spesifikasi ke atas projek-projek baharu yang dicadangkan oleh Lembaga dan merancang serta melaksana program pembinaan dan penyelenggaraan bangunan dan kemudahan asas di seluruh kawasan KADA.

Projek penyelenggaraan infrastruktur pengairan dan saliran yang di buat sepanjang tahun telah memberikan output dan outcome yang positif kepada pengeluaran padi kawasan KADA. Projek penyelenggaraan dan naiktaraf infrastruktur pengairan dan saliran telah dibahagikan kepada empat (4) komponen utama iaitu :

- Projek Pengairan dan Saliran di mana ia merangkumi penyelenggaraan tali air utama dan saliran utama, tali air sekunder dan saliran sekunder serta tali air tersier dan saliran tersier.
- Jalan-Jalan ladang dan Jambatan
- Binaan-Binaan Pengairan/Saliran seperti struktur kawalan air
- Batas Perlindungan Banjir

Kerja-kerja penyelenggaraan dan naik taraf ini akan dilakukan berdasarkan jumlah peruntukan yang diagihkan oleh pihak kementerian. Secara amnya, KADA menerima kira-kira RM 1 juta setahun daripada kementerian bagi kerja-kerja penyelenggaraan. Manakala peruntukan pembangunan bagi tujuan naik taraf infrastruktur ini hanya diterima pada Rancangan Malaysia Ke 11 sebanyak RM 49.5 juta. Bagi Rancangan Malaysia Ke 12 untuk tahun 2021, 2022 dan 2023 KADA tidak menerima peruntukan bagi tujuan ini. Walaubagaimanapun, KADA akan terus memohon peruntukan untuk tahun-tahun berikutnya agar kerja-kerja naik taraf ini dapat dilaksanakan. Kerja-kerja ini akan dilaksanakan mengikut peraturan semasa samada secara tender, sebut harga atau lantikan terus.

Bahagian Kejuruteraan Awam juga bertanggungjawab melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan bangunan pejabat termasuk rumah kediaman kerajaan, persiapan tempat bagi majlis-majlis rasmi jabatan, pengurusan jalan ladang serta kontrak-kontrak pembinaan. Penyelenggaraan ini dilaksanakan bagi memastikan setiap aset dijaga dengan selamat dan selesa untuk digunakan. Kerja-kerja ini akan menggunakan peruntukan mengurus tahunan yang diagihkan kepada bahagian berdasarkan keperluan dan kemampuan kewangan semasa dan akan dilaksanakan sepanjang tahun.



Satu lagi tugas utama bahagian ini adalah merancang, mengukur, merekabentuk dan menyediakan spesifikasi, pelan, lukisan kejuruteraan untuk projek-projek yang telah dirancang dan dilaksanakan oleh pihak KADA selain bertindak sebagai jururunding di dalam menyediakan spesifikasi kerja, anggaran kuantiti dan kos kerja, buku dokumen tender dan juga sebut harga. Selain daripada itu, bahagian ini juga bertindak untuk mengurus dan memantau perkara-perkara berkaitan tanah seperti permohonan hak milik, tukar guna tanah, pengurusan tanah/rezab taliair dan saluran, membina dan menguruskan Pangkalan Data GIS KADA yang mengandungi semua maklumat berkaitan sempada kawasan, guna tanah padi, sistem pengairan dan saluran dan lain-lain lagi di dalam kawasan KADA. Sepanjang tahun 2021, tiada peruntukan khas untuk Cawangan Teknikal samada peruntukan pembangunan atau peruntukan mengurus bagi kerja-kerja pembinaan naiktaraf tali air diterima.

4.6 Perkhidmatan Mekanikal dan Elektrikal

Seluruh jelapang padi dalam kawasan KADA bergantung sepenuhnya kepada tiga Skim Pengairan Utama yang diairi melalui tiga Stesen Pam Utama iaitu Stesen Pam Kemubu, Stesen Pam Lemal dan Stesen Pam Kasa serta beberapa Stesen Pam Sokongan. Perkhidmatan Mekanikal dan Elektrikal bertanggungjawab memastikan pam dan sistem kawalan berada dalam keadaan baik dan berfungsi dengan menjalankan kerja-kerja senggaraan dan selenggaraan mengikut jadual dan keperluan semasa. Bilangan aset yang terlibat dalam aktiviti pengairan adalah :

1. 26 Stesen Pam Pengairan
2. 9 Pintu Air
3. 6 Stesen Pam Saliran
4. 218 buah Pam Mudah Alih

KADA mengurus dan mengendalikan tiga (3) buah stesen pam utama iaitu Stesen Pam Kemubu, Lemal dan Kasa. Tanggungjawab ini bagi memastikan bahawa pengepaman air dari stesen adalah konsisten bagi menjamin tanaman padi dua kali setahun di kawasan KADA dapat dijalankan dan akan meningkatkan hasil pengeluaran padi untuk keperluan negara. Bagi menjamin kemampanan dan kelestarian sumber air sungai adalah menjadi tanggungjawab KADA untuk mengurus sungai dan kawasan tadahan dengan lebih efisien. Purata parasan air sungai minima di Pam Kemubu adalah 4 m dan maksima adalah 6.26 m dan purata taburan hujan minima adalah 3.20 mm pada bulan Feb dan maksima adalah 586.20 mm pada bulan Disember. Jumlah taburan hujan pada tahun 2021 adalah 2,787.00 mm.



Sepanjang tahun iaitu dua (2) musim penanaman padi, stesen pam utama telah membekalkan air kepada aktiviti sawah dengan purata gumbaan air sebanyak 462,505 ribu meter padu (m³) air manakala jumlah gumbaan air bagi pam booster pula sebanyak 72,091 ribu meter padu (m³) air menjadikan purata jumlah gumbaan keseluruhan tahunan sebanyak 534,596 ribu meter padu (m³) air. Jumlah keseluruhan kos yang dikeluarkan bagi menampung aktiviti gumbaan termasuk kos operasi dan senggaraan ialah sebanyak RM1,682,805 dengan purata kos gumbaan sebanyak 1.53 sen semeter padu air.

Bagi merencanakan aktiviti penanaman padi, KADA menyediakan perkhidmatan tenggala dan menuai yang dikendalikan oleh dua Pusat Kejenteraan Ladang (PKL) iaitu PKL Melor dan PKL Kasar. Bilangan jentera pertanian yang terdapat di kedua-dua PKL adalah :

1. 17 Traktor Roda
2. 13 Traktor Semitrack (Crawler)
3. 20 Jentuai Lengkap

Di samping kerja-kerja operasi tenggala dan menuai, PKL juga bertanggungjawab menjalankan kerja-kerja senggaraan dan selenggaraan aset-aset di bawah kendaliannya. Bagi memastikan sistem pengairan dapat beroperasi dengan baik, taliair perlu diselenggara secara berkala menggunakan jentera-jentera kerja tanah. Perkhidmatan Mekanikal dan Elektrikal bertanggungjawab memastikan jentera-jentera ini sentiasa berada dalam keadaan baik. Bilangan jentera yang terlibat adalah :

1. 24 *Hydraulic Excavator*
2. 26 *Backhoe Loader*
3. 2 *Dozer*

Selain itu, Perkhidmatan Mekanikal dan Elektrikal juga melaksanakan beberapa projek-projek pembangunan yang melibatkan pemasangan dan komponen mekanikal dan elektrik seperti :

1. Pembangunan Stesen Pam Pengairan dan Saliran
2. Pembinaan Pusat Sediaan Benih
3. Perolehan Pam Mudah Alih
4. Perolehan Jentera

Bagi RMKe-12, sebanyak dua (2) Projek telah diluluskan iaitu ;

1. Peningkatan Sistem Stesen Pam Kemubu – RM31 juta
2. Pembinaan dan naiktaraf Pam Kitar Semula – RM10 juta

Perkhidmatan Mekanikal dan Elektrikal juga bertanggungjawab memastikan aset-aset seperti kenderaan (136 buah), pemasangan elektrik di Ibu Pejabat, pejabat-pejabat jajahan dan stesen-stesen pam dapat berfungsi dengan baik.

BAB 5

TERAS STRATEGIK DAN OBJEKTIF STRATEGIK

Pelan strategik KADA 2030 telah membangunkan lima (5) TERAS STRATEGIK bagi membantu KADA merealisasikan visi dan misi yang telah ditetapkan. Ia juga membolehkan KADA memastikan anjakan hala tuju strategik dapat dicapai.



Rajah 5.1 Lima (5) Teras Strategik

TERAS STRATEGIK 1

Meningkatkan Kuantiti
Rantainya Nilai
Pengeluaran Industri
Agromakanan

4

Objektif Strategik

**Meningkatkan Kuantiti Pengeluaran
Komoditi Padi, Industri Makanan
Dan Asas Tani**

**7 Inisiatif
Strategik**

**Memperkasa Jaminan
Bekalan Air**

**6 Inisiatif
Strategik**

**Menerapkan Penggunaan Teknologi
Automasi Dan Mekanisasi Dalam
Pengeluaran Agromakanan**

**6 Inisiatif
Strategik**

**Memperkasakan Pengeluaran
Agromakanan di Dalam
Kawasan KADA**

**1 Inisiatif
Strategik**

Permintaan yang semakin meningkat terhadap produk agromakanan memberi satu cabaran kepada KADA dalam menghasilkan produk yang bermutu dan memenuhi kehendak pasaran. Peningkatan kuantiti pengeluaran mampu dilakukan dengan kekuatan yang sedia ada dan dipertingkatkan dari semasa ke semasa dengan penggunaan teknologi moden dan inovasi. Ini selari dengan Dasar Agromakanan Negara 2.0 (DAN 2.0) yang mendukung aspirasi dan hala tuju sektor agromakanan negara untuk lebih mampan, berdaya tahan dan berteknologi tinggi yang dapat memacu pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan kesejahteraan rakyat serta mengutamakan sekuriti makanan. Berdasarkan visi KADA yang menjadi peneraju di dalam bidang agromakanan, peningkatan kuantiti pengeluaran amat signifikan dengan DAN 2.0 dalam menjamin bekalan makanan yang mencukupi, selamat dan mampu dibeli. Sasaran pertumbuhan agromakanan perlu direalisasikan agar ia selari dengan objektif Negara untuk mencapai sasaran purata pertumbuhan tahunan.

KADA telah menggariskan beberapa strategi bagi merealisasikan peningkatan kuantiti nilai pengeluaran industri agromakanan. Sektor padi mensasarkan peningkatan sehingga 6 tan metrik padi sehektar dengan kapasiti pengeluaran sebanyak 312,000 tan metrik pada tahun 2030. Ia dipacu oleh inisiatif strategik oleh KADA, antaranya adalah intensiti penanaman padi akan dipertingkatkan sehingga 200% pada tahun 2030 bagi menghasilkan peningkatan kuantiti minima 5 tan metrik sehektar sehingga 21,000 hektar. Industri ternakan akan diperkembangkan dengan mengeluarkan baka berkualiti serta penerapan amalan penternakan intensif. Di samping itu, pengukuhan industri sayur-sayuran di lakukan melalui peningkatan intensiti penanaman. Ia disokong dengan keupayaan jaminan bekalan air sehingga 98% berbanding luas bendang dan penerapan penggunaan teknologi automasi dan mekanisasi dalam pengeluaran agromakanan.

Objektif Strategik 1

Jadual 5.1 Meningkatkan Kuantiti Pengeluaran Komoditi Padi, Industri Makanan Dan Asas Tani

BIL	PENGUKURAN PRESTASI (KPI)	SASARAN							
		2023	2024	2025	2026	2027	2028	2029	2030
1.	Intensiti penanaman padi bagi dua (2) musim	195%	195%	195%	200%	200%	200%	200%	200%
2.	Jumlah purata hasil/ha padi	4.20	4.50	4.60	4.85	5.10	5.30	5.75	6.00
3.	Jumlah pengeluaran padi per tan setahun	215,600	222,444	227,300	242,500	255,000	270,300	293,250	312,000
4.	Jumlah pengeluaran benih padi sah per tan setahun	700	1,000	1,100	1,500	1,700	2,000	2,250	2,500
5.	Jumlah nilai pengeluaran tahunan produk industri asas tani dan bukan padi RM ('000,000)	106	109	114	121	128	135	142	150
6.	Jumlah pendapatan pesawah setahun	27,800	28,000	30,000	31,000	32,000	33,000	35,000	36,000

INISIATIF STRATEGIK

1

Jumlah bekalan air yang mencukupi dan sempurna ke sawah

2

Mencapai purata hasil padi minima 5 tan sehektar di kawasan sawah padi berhasil rendah dan sederhana

3

Menggalakkan penyertaan sawah padi dalam Program Pengurusan Sawah Berskala Besar

4

Membangunkan tanah pertanian terbiar

5

Program Kawalan Perosak dan Penyakit Bersepadu

6

Menambahkan program transformasi Agromakanan

7

Program peningkatan pendapatan pesawah

Objektif Strategik 2

Jadual 5.2 Memperkasa Jaminan Bekalan Air


BIL	PENGUKURAN PRESTASI (KPI)	SASARAN							
		2023	2024	2025	2026	2027	2028	2029	2030
1.	Peratus agihan bekalan air untuk skim pengairan dalam tempoh 14 hari	50%	55%	60%	70%	85%	90%	90%	90%
2.	Peratus keluasan bendang yang menerima bekalan air tempoh 30 hari	70%	75%	80%	90%	95%	95%	98%	98%
3.	Peratus menaiktaraf sistem tali air ketiga	20%	22%	24%	30%	33%	35%	38%	40%
4.	Bilangan instalasi sistem SCADA di stesen pam dan pintu air	-	-	-	18	25	35	40	50
5.	Bilangan struktur utama yang beroperasi secara automasi/elektrifikasi	5	6	7	8	9	10	11	12



Objektif Strategik 3

Jadual 5.3 Menerapkan Penggunaan Teknologi Automasi Dan Mekanisasi Dalam Pengeluaran Agromakanan

BIL	PENGUKURAN PRESTASI (KPI)	SASARAN							
		2023	2024	2025	2026	2027	2028	2029	2030
1.	Bilangan usahawan yang menggunakan teknologi mekanisasi/ automasi	100	100	100	100	100	100	100	100
2.	Bilangan pesawah yang menggunakan sistem teknologi mekanisasi/ automasi dalam pengurusan sawah berpusat	200	200	200	200	200	200	200	200



Objektif Strategik 4

Jadual 5.4 Memperkasakan Pengeluaran Agromakanan di dalam Kawasan KADA

BIL	PENGUKURAN PRESTASI (KPI)	SASARAN							
		2023	2024	2025	2026	2027	2028	2029	2030
1.	Bilangan projek Agromakanan yang dilaksanakan dalam kawasan PPK	2	3	4	4	5	5	6	6

INISIATIF STRATEGIK

1

Mewujudkan bilangan pusat pengumpulan komoditi di kawasan KADA

TERAS STRATEGIK 2

Meningkatkan Kualiti
Produk, Perkhidmatan,
Dan Pembangunan
Modal Insan

4 Objektif Strategik

Amalan Pertanian Baik Bagi Komoditi Padi Dan Bukan Padi

6 Inisiatif Strategik

Memperkasakan Usahawan Tani Dan Institusi Peladang

6 Inisiatif Strategik

Memperkasakan Sistem Penyampaian Perkhidmatan

6 Inisiatif Strategik

Menyediakan Perkhidmatan Teknikal Yang Berkualiti

9 Inisiatif Strategik

Pengeluaran makanan yang dikeluarkan seharusnya mengambil kira aspek kualiti produk supaya produk yang dihasilkan itu selamat dan berkhasiat. Untuk mencapai tujuan tersebut, KADA memberi tumpuan kepada aktiviti pembangunan produk dan inovasi dalam menghasilkan produk agromakanan yang bermutu. Ia memberi ruang kepada KADA membantu kerajaan untuk memastikan jaminan bekalan makanan kepada rakyat dapat dipenuhi. Ia selari dengan DAN 2.0 yang menumpukan kepada kelestarian pembangunan dalam aspek makanan. KADA sebagai sebuah agensi yang bertanggungjawab dalam menghasilkan produk agromakanan akan meningkatkan kualiti pengeluaran agromakanan melalui pematuhan kepada pengurusan benih padi, tanah, baja, air dan racun. Peningkatan kualiti produk agromakanan membolehkan ia menembusi pasaran dalam dan luar Negara. Kualiti produk yang setanding dengan kualiti pasaran negara lain membolehkan usahawan tani meningkatkan daya saing. KADA memastikan produk yang akan dipasarkan ke luar negara dikawal selia dengan menitikberatkan kualiti produk secara efektif. Kerjasama perlu diberikan oleh usahawan tani bagi menghasilkan produk yang bermutu. Pengusaha dan usahawan tani diberi penekanan agar mengaplikasikan amalan baik pertanian bagi menjamin kualiti.


Kualiti perkhidmatan merupakan dimensi utama prestasi KADA. Perkhidmatan berkualiti yang disediakan oleh KADA kepada pengusaha pertanian dapat meningkatkan daya pengeluaran. Ia bermula dengan kualiti pekerja yang diserapkan dengan budaya perkhidmatan cemerlang di kalangan kakitangan. Justeru, KADA meneruskan pelaksanaan nilai-nilai murni seperti kegigihan, semangat bekerjasama, integriti, berdisiplin dan sentiasa berusaha meningkatkan prestasi kepada kakitangan mereka. KADA juga memberi melaksanakan gaya kepimpinan cemerlang pengurusan atasan. Antaranya kebolehan menetapkan visi organisasi, menggubal strategi bagi mencapai matlamat, mewujudkan suasana kerja yang baik dan memberi pengiktirafan. Ia membolehkan KADA memperkasakan modal insan yang merupakan elemen penting dalam pembangunan jangka panjang sektor agromakanan. Hasilnya, peningkatan produktiviti, pendapatan yang lebih tinggi dan kecekapan dapat direalisasikan dalam rantai nilai sektor agromakanan. Sehubungan itu, KADA melaksanakan program dan latihan yang memenuhi keperluan kemahiran bagi membangunkan tenaga kerja yang mantap berasaskan pengetahuan, kemahiran, teknologi dan keusahawanan bagi menyokong transformasi dan pemodenan industri agromakanan.

Penggunaan setiap sumber yang ada digunakan oleh KADA seperti penglibatan dan penyertaan seberapa ramai petani, penternak dan usahawan untuk mencapai Visi dan Misi KADA. Perancangan rapi di buat terhadap program penanaman dan pengeluaran bagi memastikan setiap hasil yang dikeluarkan mengikut kehendak pasaran. Diantaranya, meningkatkan bilangan pengusaha padi yang berskala besar melebihi 10,000 ha di kawasan KADA. Galakan petani melibatkan diri dalam program pengurusan berpusat dipertingkatkan agar sistem pengurusan yang bersistematik dapat diserapkan. Penglibatan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) secara intensif di dalam program industri asas tani di galakan bagi menjadi tenaga pergerakan dalam pelaksanaan perancangan. Di samping itu, KADA akan memastikan peningkatan produktiviti agromakanan dengan membekalkan benih sah dan penggunaan input pertanian. Untuk mempertingkatkan keupayaan usahawan tani bersaing, KADA akan membimbing usahawan tani untuk menghasilkan produk yang berkualiti dengan kos yang lebih efektif. Pendedahan dalam menghasilkan produk yang inovatif akan dipergiatkan supaya produk – produk baru mengikut keperluan dan kehendak pasaran semasa. Dalam usaha untuk menembusi pasaran domestik dan global, usahawan akan di bimbing mendapatkan persijilan seperti Malaysian Good Agricultural Practices Scheme (MyGAP), Good Manufacturing Practice (GMP) dan Hazard Analysis Critical Control Points (HACCP).

Objektif Strategik 1

Jadual 5.5 Amalan Pertanian Baik Bagi Komoditi Padi Dan Bukan Padi

BIL	PENGUKURAN PRESTASI (KPI)	SASARAN							
		2023	2024	2025	2026	2027	2028	2029	2030
1.	Pematuhan kepada pengurusan benih padi	100%	100%	100%	100%	100%	100%	100%	100%
2.	Penggunaan Rice Check dalam Pengurusan Sawah Berskala Besar/Berpusat	500	1,000	1,500	2,000	2,500	3,000	3,500	4,000
3.	Bilangan pengusaha menambahbaik pembungkusan ke atas produk asas tani berkualiti	3	3	3	4	4	4	5	6
4.	Bilangan pengusaha yang mendapat persijilan dalam menghasilkan produk asas tani berkualiti	3	3	3	4	4	4	5	6



Objektif Strategik 2

Jadual 5.6 Memperkasakan Usahawan Tani Dan Institusi Peladang

BIL	PENGUKURAN PRESTASI (KPI)	SASARAN							
		2023	2024	2025	2026	2027	2028	2029	2030
1.	Bilangan usahawan mikro dinaiktaraf	3	3	3	5	5	5	5	5
2.	Bilangan usahawan tani sedia ada dibimbing untuk pasaran luar negara	2	4	6	8	11	14	17	20
3.	Peningkatan bilangan usahawan tani	1,500	1,550	1,600	1,650	1,700	1,800	1,900	2,000
4.	Tempoh maksimum hari pengedaran baja subsidi SBPKP dan racun SIPP mengikut SOP	14	14	14	14	14	14	14	14
5.	Peratus perkhidmatan pengangkutan dan pemasaran pertanian	100%	100%	100%	100%	100%	100%	100%	100%
6.	Tempoh maksimum hari kelulusan permohonan kredit kepada ahli	45	45	45	45	45	45	45	45
7.	Projek Agro pelancongan dalam kawasan KADA	-	-	-	1	-	-	-	1
8.	Bimbingan usahawan muda (baru) dalam sektor agromakanan	100	200	300	400	500	600	700	800
9.	Peningkatan bilangan peserta bukan padi	2,000	2,050	2,100	2,150	2,200	2,250	2,300	2,350
10.	Bilangan kursus pemasaran digital	2	2	2	2	2	2	2	2
11.	Mempelbagaikan aktiviti sisa buangan padi sebagai produk bernilai	-	2	-	2	-	2	-	2

INISIATIF STRATEGIK

1 Mewujudkan sistem mentor-mentee

2 Mengenal pasti pengusaha berpotensi

3 Mempertingkatkan promosi produk dalam dan luar negara

4 Menggalak penggunaan baler dalam pengurusan jerami


5 Menggunakan bahan pereputan jerami untuk dijadikan bahan organik

6 Memastikan pematuhan pada SOP

Objektif Strategik 3

Jadual 5.7 Memperkasakan Sistem Penyampaian Perkhidmatan


BIL	PENGUKURAN PRESTASI (KPI)	SASARAN							
		2023	2024	2025	2026	2027	2028	2029	2030
1.	Tempoh penyelesaian aduan dalam masa hari bekerja	3	3	3	3	3	3	3	3
2.	Peratus penggunaan Digital Documents Management System (DDMS)	-	20%	30%	40%	50%	60%	70%	80%
3.	Peratus kepuasan pelanggan	100%	100%	100%	100%	100%	100%	100%	100%
4.	Peratus kakitangan yang menghadiri kursus atau latihan	80%	85%	90%	95%	98%	100%	100%	100%
5.	Bilangan kekerapan mengadakan aktiviti pematuhan dan pemantauan	3	3	3	3	3	3	3	3



Objektif Strategik 4

Jadual 5.8 Menyediakan Perkhidmatan Teknikal Yang Berkualiti

BIL	PENGUKURAN PRESTASI (KPI)	SASARAN							
		2023	2024	2025	2026	2027	2028	2029	2030
1.	Bilangan kakitangan mengikuti latihan teknikal	10	20	30	40	50	60	70	80
2.	Perolehan jentera pembajak	30	33	53	73	93	113	133	107
3.	Perolehan jentuai	24	26	41	56	71	86	101	84
4.	Perolehan drone pertanian	4	6	8	30	50	70	90	110
5.	Bilangan program pemindahan teknologi kepada pesawah setahun	100	100	100	100	100	100	100	100



TERAS STRATEGIK 3

Memperkuat
Rantai Nilai Yang
Lebih Mampan Dan
Berdaya Saing

3

Objektif Strategik

**Pematuhan Garis Panduan
Pengeluaran Produk**

**6 Inisiatif
Strategik**

**Memperkasakan Kawalan
Pengeluaran Dan Lepas Tuai**

**2 Inisiatif
Strategik**

**Meningkatkan Kemahiran
Perkhidmatan Ejen Pengembangan**

**4 Inisiatif
Strategik**


Bagi merealisasikan peningkatan sumbangan industri agromakanan, KADA menumpukan pengeluaran kepelbagaian produk nilai tambah sektor Padi dan Bukan Padi dengan meningkatkan pelbagai aktiviti berasaskan pertanian terutamanya bidang industri asas tani. Untuk mencapai hasrat tersebut, rangkaian nilai yang lebih mampan dan berdaya saing adalah penting bagi mengekalkan kelancaran operasi dalam industri agromakanan. Ia juga perlu kekal kompetitif dan kebolehpayaan dalam membekalkan produk berdasarkan keperluan pengguna dalam memastikan agenda jaminan bekalan makanan Negara tercapai. Kepelbagaian penggunaan teknologi dan automasi memainkan peranan penting dalam mewujudkan rangkaian nilai yang mampan dan berdaya saing. Ini kerana ia berpotensi dalam membantu meminimumkan gangguan dalam rangkaian. Rangkaian nilai yang efektif membantu pembangunan aktiviti nilai tambah kepada pengusaha dan usahawan pertanian yang menjadi faktor penting dalam membangunkan produk agromakanan. Ia bukan hanya membuka peluang untuk menembusi pasaran domestik, malah ia mempunyai potensi tinggi untuk dieksport.

KADA akan meningkatkan kualiti dan efisien dalam proses menghasilkan dan menyampaikan produk serta perkhidmatan. Ia boleh dicapai dengan meningkatkan komunikasi dan kerjasama antara pihak yang berkepentingan dalam rangkaian nilai untuk menjadikan rangkaian nilai sektor agromakanan lebih mampan dan kompetitif. Antara strategi yang akan dilaksanakan adalah membina perkongsian yang kukuh dengan pembekal, pelanggan dan pihak berkepentingan lain. KADA juga akan meningkatkan kecekapan dan produktiviti sepanjang rangkaian bekalan untuk mengurangkan kos dan meningkatkan keuntungan. Di samping itu, KADA akan mempertingkatkan kompeten ejen pengembangan dan menjadi pakar rujuk melalui modul dan latihan kepakaran bagi memberi perkhidmatan teknikal dan menyelesaikan sebarang isu yang timbul kepada pengusaha pertanian. Selari dengan pengukuhan rangkaian nilai, KADA juga melihat ke arah tadbir urus sektor agromakanan yang akan diperkukuhkan dengan dasar dan pelan yang progresif, penyelarasan dan kolaborasi yang cekap antara penggerak industriserta mekanisme penyampaian yang efektif bagi mewujudkan ekosistem perniagaan yang akan memberi manfaat kepada semua pihak dalam industri agromakanan. Sistem rangkaian nilai yang cekap dapat di hasilkan dengan pemodenan sektor agromakanan yang akan memperkukuhkan keluaran pertanian bersasar dan meningkatkan nilai tambah industri agromakanan. KADA juga merancang untuk memperkukuhkan jaringan pasaran tempatan dan global dalam usaha melengkapkan rangkaian nilai agromakanan. Ia melibatkan kerjasama dengan sektor Awam/ Swasta menggalakkan mereka menyediakan perkhidmatan sokongan dan logistik seperti pusat pengumpulan, khidmat pengangkutan, gudang penyimpanan dan pengedaran produk agromakanan.

Objektif Strategik 1

Jadual 5.9 Pematuhan Garis Panduan Pengeluaran Produk

BIL	PENGUKURAN PRESTASI (KPI)	SASARAN							
		2023	2024	2025	2026	2027	2028	2029	2030
1.	Bilangan pengaktifan kumpulan Pengguna Air (KPA)	6	18	30	50	60	70	80	90
2.	Peratus pematuhan pesawah kepada jadual tanaman padi	80%	80%	80%	100%	100%	100%	100%	100%
3.	Peratus pengurusan bekalan dan agihan air secara sistematik	60%	75%	90%	100%	100%	100%	100%	100%



Objektif Strategik 2

Jadual 5.10 Memperkasakan Kawalan Pengeluaran Dan Lepas Tuai

BIL	PENGUKURAN PRESTASI (KPI)	SASARAN							
		2023	2024	2025	2026	2027	2028	2029	2030
1.	Bilangan jalan ladang peringkat bendang dinaiktaraf (Kilometer)	50	100	200	300	400	500	600	700

INISIATIF STRATEGIK

1

Menaiktaraf infrastruktur asas

2

Mengenal pasti keadaan jalan di bendang

Objektif Strategik 3

Jadual 5.11 Meningkatkan Kemahiran Perkhidmatan Ejen Pengembangan

BIL	PENGUKURAN PRESTASI (KPI)	SASARAN							
		2023	2024	2025	2026	2027	2028	2029	2030
1.	Melahirkan pegawai pengembangan sebagai tenaga pakar teknikal	5	10	20	30	40	50	60	70
2.	Bilangan program pengembangan setahun	50	50	50	50	50	50	50	50

INISIATIF STRATEGIK

1. Persidangan/Bengkel/Attachment kepada pegawai Pengembangan
2. Menyediakan Modul Lengkap Tenaga Pakar mengikut bidang
3. Bekerjasama dengan pihak Jabatan/Swasta
4. Menyediakan Anugerah/Inisiatif Pengembangan

TERAS STRATEGIK 4

Memperkasakan Teknologi
Dan Inovasi Ke Arah
Kecemerlangan
Pengurusan Organisasi

4

Objektif Strategik

**Meningkatkan Penggunaan
Teknologi Kejenteraan Dan
Pertanian Pintar**

**7 Inisiatif
Strategik**

**Meningkatkan Pengurusan
Aset Ladang Yang Efisen Dan
Optimum**

**4 Inisiatif
Strategik**

**Meningkatkan Kesedaran
Penggunaan Teknologi Dan Inovasi**

**3 Inisiatif
Strategik**

**Meningkatkan Perkhidmatan
Digital Yang Holistik**

**4 Inisiatif
Strategik**


Teknologi dan inovasi merupakan elemen yang diberi perhatian sepenuhnya oleh KADA dalam mencapai wawasan yang dirancangan baik di peringkat pengurusan mahupun di peringkat pengeluaran. Tahap penggunaan dan pemindahan teknologi kepada pemegang taruh dipertingkatkan agar ia dikendalikan dengan lebih cekap. Peningkatan pengetahuan kepada staf dan pengusaha akan diberi keutamaan bagi menyokong aktiviti pengeluaran produk yang berintensifkan teknologi dan inovasi. Penggunaan teknologi dan mekanisasi terutama di kawasan yang berskala besar akan diperluaskan bagi memodenkan industri agromakanan. Kaedah ini mampu mengurangkan kos pengeluaran, meningkatkan produktiviti dan menghasilkan produk baru bernilai tinggi. Ia juga membantu dalam mentransformasikan pertanian negara ke hadapan.

Pemeriksaan teknologi dan inovasi merupakan agenda DAN 2.0 yang menekankan khusus terhadap strategi pemodenan dan pertanian pintar. Peningkatan kualiti dan kuantiti hasil tanaman serta produktiviti pengeluaran dapat dihasilkan dengan pelaksanaan penggunaan teknologi dan inovasi di dalam aktiviti agromakanan di KADA. Antara teknologi yang menjadi penyumbang kepada hasil pertanian di KADA adalah *precision farming*, internet kebendaan, data raya dan drone bagi aktiviti pemetaan, taburan benih, semburan racun dan baja. Pemeriksaan teknologi dan inovasi juga akan menumpukan kepada peningkatan kompetensi teknikal kepada pegawai pengembangan. Ia menjadi elemen penting supaya pegawai pengembangan mampu melaksanakan pemindahan teknologi kepada pengusaha pertanian dan pengeluar makanan. Di samping itu, perancangan KADA tertumpu ke arah penyediaan persekitaran yang kondusif untuk penerima gunaan teknologi dan inovasi oleh golongan sasaran. Di peringkat pengurusan KADA, keupayaan ICT akan diperluaskan untuk menyediakan penyampaian perkhidmatan yang efisien.

Objektif Strategik 1

Jadual 5.12 Meningkatkan Penggunaan Teknologi Kejenteraan Dan Pertanian Pintar


BIL	PENGUKURAN PRESTASI (KPI)	SASARAN							
		2023	2024	2025	2026	2027	2028	2029	2030
1.	Bilangan usahawan agromakanan yang dibimbing kearah penggunaan teknologi pintar	-	1	2	3	4	5	6	7
2.	PPK menyediakan perkhidmatan/ kemudahan teknologi pertanian	-	2	3	4	5	6	7	8
3.	Penggunaan teknologi Drone Pemetaan di sawah padi	0	50	100	150	200	250	300	350
4.	Peratus penggunaan teknologi GIS dalam penentuan pasesel padi	50%	50%	50%	60%	70%	80%	90%	100%



Objektif Strategik 2

Jadual 5.13 Meningkatkan Pengurusan Aset Ladang Yang Efisien Dan Optimum

BIL	PENGUKURAN PRESTASI (KPI)	SASARAN							
		2023	2024	2025	2026	2027	2028	2029	2030
1.	Peratus penyelenggaraan sistem pengairan dan saliran	25%	30%	40%	50%	60%	70%	80%	90%
2.	Bilangan pelaporan penyelenggaraan sistem pengairan dan saliran secara atas talian	-	-	12	12	24	24	24	24
3.	Bilangan pelaporan penyelenggaraan operasi aset kejenteraan ladang	24	24	24	24	24	24	24	24



Objektif Strategik 3

Jadual 5.14 Meningkatkan Kesedaran Penggunaan Teknologi Dan Inovasi

BIL	PENGUKURAN PRESTASI (KPI)	SASARAN							
		2023	2024	2025	2026	2027	2028	2029	2030
1.	Bilangan inovasi yang direka cipta	-	1	1	1	1	1	1	1

INISIATIF STRATEGIK

1 Meningkatkan bilangan kumpulan inovasi aktif

2 Khidmat nasihat dan sokongan

3 Meningkatkan penyertaan kakitangan dalam konvensyen dan expo peringkat kebangsaan

Objektif Strategik 4

Jadual 5.15 Meningkatkan Perkhidmatan Digital Yang Holistik

BIL	PENGUKURAN PRESTASI (KPI)	SASARAN							
		2023	2024	2025	2026	2027	2028	2029	2030
1.	Bilangan sistem di naiktaraf atau dibangunkan	1	1	1	1	1	1	1	1



TERAS STRATEGIK 5

**Memperluas
Kerjasama dan
Meningkatkan Penyertaan
Rakan Strategik**

3

Objektif Strategik

**Meningkatkan Kerjasama Strategik
Komoditi Agromakanan**

**5 Inisiatif
Strategik**

**Memperkuat Sinergi
Usahasama Ke Arah
Peningkatan Pendapatan Tinggi
Golongan Sasar**

**4 Inisiatif
Strategik**

**Meningkatkan Pengurusan
Berpusat Yang Efisien**

**2 Inisiatif
Strategik**

Mewujudkan ekosistem kerjasama dan rakan strategik yang lestari menjadi agenda KADA dalam memperluaskan penyertaan rakan strategik. Kepentingan untuk memperkukuhkan kerjasamadan meningkatkan penyertaan rakan strategik memberi manfaat kepada KADA dan pemegangtaruh dalam pengembangan sektor agromakanan. Melangkah ke hadapan, KADA memfokuskan untuk mempergiatkan aktiviti nilai tambah yang tinggi supaya menjadi antara pemacu utama pertumbuhan dalam sektor agromakanan. Oleh itu, kerjasama dari rakan strategikdan penyertaan menyeluruh dari pengusaha pertanian amat di perlukan. KADA mengambil inisiatif dengan mencari rakan strategik yang sesuai dengan visi dan misi organisasi yang merupakan langkah penting dalam memperluas kerjasama dan meningkatkan penyertaan rakan strategik. Di samping itu, KADA menyediakan insentif menarik minat rakan strategik bersama – sama melaksanakan perancangan yang telah digariskan dan menjaga kualiti produk serta perkhidmatan yang diberikan agar rakan strategik berpuas hati untuk mengekalkan jalinan kerjasama.

Bagi menggalakkan penglibatan pihak industri, KADA akan membuka peluang perniagaan secara kontrak ladang melalui aktiviti pepadanan perniagaan, dan mengadakan usaha sama dengan sektor Awam/ Swasta di bawah Sawah Berskala Besar (SBB) serta memperkasakan *Technical Working Group*. Ia termasuk kerjasama menyediakan insentif pemasaran perniagaan dari pihak rakan strategik seperti penerokaan pasaran, promosi, penjenamaan dan logistik bagi meningkatkan pasaran dan jualan produk agromakanan pengusaha dan usahawan pertanian melalui perkhidmatan pasaran tradisional dan e-dagang. Ini menjadi pemangkin kepada KADA untuk mempertingkatkan keupayaan usahawan tani bersaing di pasaran. KADA bersama rakan strategik akan membimbing usahawan tani untuk menghasilkan produk yang berkualiti dengan kos yang lebih efektif. Antara aspek lain yang diberikan tumpuan adalah penggunaan teknologi pengeluaran terkini dan strategi pengurusan perniagaan yang efektif.

Objektif Strategik 1

Jadual 5.16 Meningkatkan Kerjasama Strategik Komoditi Agromakanan

BIL	PENGUKURAN PRESTASI (KPI)	SASARAN							
		2023	2024	2025	2026	2027	2028	2029	2030
1.	Program Sawah Padi Berskala Besar dengan sektor Awam/Swasta	-	2	3	4	5	6	7	8
2.	Bilangan kerjasama Technical Working Group (TWG) dengan Jabatan/Swasta	2	3	4	5	6	7	8	9



Objektif Strategik 2

Jadual 5.17 Memperkukuhkan Sinergi Usahasama Ke Arah Peningkatan Pendapatan Tinggi Golongan Sasar

BIL	PENGUKURAN PRESTASI (KPI)	SASARAN							
		2023	2024	2025	2026	2027	2028	2029	2030
1.	Menggalakkan penyertaan pesawah muda	1,700	1,750	1,800	1,850	1,900	1,950	2,000	2,050
2.	Melibatkan penyertaan pihak agensi dan swasta dalam projek agromakanan seiring dengan perkembangan semasa	-	1	2	3	4	5	6	7
3.	Peningkatan nilai saham PPK (RM)	11.6 juta	11.9 juta	12.2 juta	12.5 juta	12.8 juta	13.1 juta	13.4 juta	13.7 juta

INISIATIF STRATEGIK

1 Bantuan input pertanian / kemudahan matching grant

2 Meningkatkan jaringan pasaran dengan kerjasama agensi awam / swasta

3 Meningkatkan aktiviti promosi mengenai industri padi kepada golongan belia

4 Mempertingkatkan kempen kepada golongan sasaran menyertai projek seliaan KADA

Objektif Strategik 3

Jadual 5.18 Meningkatkan Pengurusan Berpusat Yang Efisien

BIL	PENGUKURAN PRESTASI (KPI)	SASARAN							
		2023	2024	2025	2026	2027	2028	2029	2030
1.	Jumlah program Agromakanan di bawah seliaan PPK	1	1	2	2	3	3	4	4
2.	Menaiktaraf atau membina baru Pusat Belian Padi.	-	1	-	1	-	1	-	1

INISIATIF STRATEGIK

1 Menambah pusat belian padi

2 Meningkatkan penglibatan PPK dalam rangkaian pemasaran produk berpusat



5.6 Mekanisme Pelaksanaan

5.6.1 Pendahuluan

Pelan Strategik KADA 2030 akan dijadikan panduan dan dilaksanakan dengan penuh komitmen oleh semua warga KADA. Bagi pelaksanaan yang lebih berkesan dan dapat mencapai objektif yang telah ditetapkan, maka pemantauan pelaksanaannya adalah diperlukan. Dalam hal ini, kemajuan pelaksanaan Pelan Strategik KADA 2030 dapat dikesan dan dipantau melalui laporan secara berkala dan berterusan yang dibentangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa yang dibentuk. Dalam usaha memastikan kelancaran Pelan Strategik KADA 2030, KADA menubuhkan Jawatankuasa Pemandu Pelan Strategik KADA 2030 yang bertindak sebagai pemantau kepada pelaksanaan Pelan Strategik KADA 2030. Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Pelan Strategik KADA 2030 dijalankan sekurang – kurangnya dua kali setahun. Jawatankuasa Pemandu Pelan Strategik KADA 2030 dianggotai pegawai utama KADA seperti berikut:

Pengerusi:

- Pengurus Besar KADA

Ahli – ahli:

- Timbalan Pengurus Besar (Pembangunan)
- Timbalan Pengurus Besar (Operasi)
- Semua Pengarah Bahagian

Urus Setia:

- Pengarah Bahagian Perancangan Dan Teknologi Maklumat

5.6.2 Terma Rujukan

Terma rujukan Jawatankuasa Pemandu Pelan Strategik KADA 2023 – 2030 adalah seperti berikut:

- i. Memberi panduan dan nasihat dalam pelaksanaan pelan strategik.
- ii. Menilai laporan kemajuan dan pencapaian pelaksanaan selaras dengan sasaran yang ditetapkan.
- iii. Memutuskan cadangan penambahan atau pengurangan aktiviti yang diterima daripada Bahagian.
- iv. Membuat keputusan terhadap tindakan – tindakan yang perlu diambil bagi memastikan kelancaran pelaksanaan pelan strategik.
- v. Memutuskan tindakan penambahbaikan dalam mengatasi kekangan dalam pelaksanaan pelan strategik.

5.6.3 Sasaran Pencapaian

Maklumat terperinci sasaran pencapaian prestasi ditunjukkan dalam objektif strategik, KPI dan Inisiatif berdasarkan perancangan strategik KADA sehingga 2030 di bahagian 5.1 – 5.5.

BAB 6

KEBERHASILAN PELAN STRATEGIK KADA 2030

Secara keseluruhan, Pelan Strategik KADA 2030 berpaksikan kepada mandat yang diberikan oleh Negara kepada pihak berkuasa pembangunan pertanian dalam meningkatkan hasil pengeluaran demi kestabilan bekalan makanan ruji Negara. Pelan Strategik ini mengambil kira 10 perkara keberhasilan utama iaitu:

1. Purata Hasil Padi
2. Pengeluaran Padi
3. Nilai Pengeluaran Produk
4. Penggunaan Teknologi dan Inovasi
5. Pembangunan Modal Insan
6. Bilangan Usahawan yang di Latih
7. Kemampuan Usahawan Meneroka Pasaran Luar
8. Pendapatan Golongan Sasar
9. Nilai Saham Pertubuhan Peladang
10. Infrastruktur Bekalan Air

Lapan (8) keberhasilan utama telah digariskan sehingga tahun 2020 untuk menyokong Visi dan Misi Pelan Strategik KADA. Manakala, Pelan Strategik KADA 2030 telah mengenal pasti dua (2) impak tambahan iaitu Nilai Saham Pertubuhan Peladang dan juga keadaan Infrastruktur Bekalan Air. Dengan mengambil kira tambahan ini, fungsi KADA selaku pihak berkuasa yang memajukan, menggalak, membantu dan mengusahakan pembangunan ekonomi berasaskan pertanian dan sosial dalam kawasan Kemubu akan bertambah baik secara holistik.

6.1 Purata Hasil Padi

Ini adalah impak utama yang menjadi refleksi usaha yang dijalankan oleh KADA dalam menyokong DAN 2.0. Seperti yang dijelaskan sebelum ini, sasaran purata hasil padi pada 2030 adalah sebanyak 6.0 tan se-hektar. Mengikut rekod dalam tahun 2020, pencapaian purata adalah sebanyak 4.621 tan se-hektar. Perbandingan angka pencapaian pada tahun 2020 dan sasaran pada tahun 2030 adalah 29.8 peratus dan ia boleh dianggap sebagai satu cabaran yang mampu dicapai melalui pemantauan yang efektif. Purata hasil padi mampu menjelaskan impak antaranya:

- i. Pengurusan ladang/plot tanah.
- ii. Pengurusan input pertanian yang optimum.
- iii. Sistem pengembangan pertanian dan pengairan yang berkesan.
- iv. Peningkatan sistem mekanisasi dan teknologi perladangan.

Pengurusan plot tanah merangkumi kompetensi ejen pengembangan pertanian dalam meningkatkan kuantiti rantai nilai pengeluaran termasuk membuat keputusan dalam mengaturcara sumber untuk pengeluaran yang maksimum. Impak sasaran ini disokong oleh penerimaan input pertanian yang baik, sah dan terkawal seperti benih padi yang berkualiti. Selain itu, pengurusan plot merupakan salah satu komponen utama dalam menentukan kejayaan dan kegagalan pesawah. Pengurusan tanah yang betul perlu dipraktikkan sebelum aktiviti penanaman dijalankan. Perkara ini bukan sahaja penting bagi keperluan pokok, tetapi dapat memelihara kesuburan dan kandungan nutrien agar aktiviti penanaman pada musim seterusnya dapat memberi hasil yang optimum. Pengetahuan berkaitan tanah seperti status kesuburan, kemasaman dan lain-lain merupakan kelebihan kepada petani dalam usaha meningkatkan hasil tanaman kerana setiap tanah mempunyai tahap kesuburan yang berbeza. Pengurusan nutrien pula merupakan amalan yang digunakan untuk mengurus kadar, bentuk, peletakan dan masa penggunaan nutrien (sama ada baja kimia, baja organik dan lain-lain) kepada tanaman. Ia bertujuan untuk memberi bekalan nutrien mengikut peringkat pertumbuhan pokok supaya nutrien dapat dimanfaatkan oleh tanaman untuk tumbesaran dan pengeluaran hasil yang optimum. Selain itu, ia berperanan untuk mengekal atau membaiki kesuburan tanah.

Tambahan kepada di atas, impak pelan strategik ini dapat dilihat melalui pelaksanaan sistem pengembangan pertanian dan pengairan yang berkesan. Melalui inisiatif ini, intensiti penanaman padi dapat dipertingkatkan dari tahun ke tahun. Bermula dengan 195 peratus dalam tahun 2023 dan meningkat naik ke 200 peratus mulai tahun 2026 sehingga tahun 2030. Selain daripada itu, kekerapan musim penanaman padi juga dapat ditambah dari empat musim ke lima musim dalam tempoh dua tahun. Impak lain yang dapat dilihat adalah hasil padi yang meningkat pada keluasan pabel padi 26,833 hektar. Ini juga selaras dengan impak kepada aktiviti penanaman dan kawal selia aktiviti sawah dengan menggunakan kaedah mekanisasi dan teknologi perladangan. Pihak KADA bakal melihat peratusan penanaman padi secara mekanisasi dan automasi dalam pengurusan sawah berpusat akan dipertingkatkan secara beransur ansur sehingga ke tahap 100 peratus. Dengan sasaran pencapaian ini, pihak KADA mampu mengawal kos operasi ke tahap yang optimum berdasarkan manfaat yang tersedia melalui penggunaan teknologi.

6.2 Pengeluaran Padi

Impak kedua bagi pelaksanaan pelan strategik ini adalah bagi meningkatkan pengeluaran padi oleh KADA secara tahunan. Dalam tahun 2020, pihak KADA telah berjaya mengeluarkan 241,027 tan padi. Ke hadapan, sasaran pengeluaran padi di tetapkan kepada 312,000 tan dalam tahun 2030. Impak pengeluaran padi ini disokong oleh perancangan untuk memastikan hasil setiap hektar tanaman dapat menghasilkan minima 5 metrik-tan.

Dengan penetapan sasaran ini, pihak KADA bakal mempunyai satu lembangan kawasan penanaman padi yang dapat menghasilkan pengeluaran yang tinggi dan konsisten. Selain daripada itu, pelan strategik ini juga membolehkan pihak KADA membuat perancangan untuk melaksanakan pengurusan projek padi berskala besar. Lazimnya projek padi dilaksanakan dalam skala sederhana dan kecil dengan penglibatan ramai pesawah/peserta yang ramai. Impak utama projek sawah berskala besar (SBB) adalah dari segi meningkatkan hasil pengeluaran padi sekali gus merealisasikan sasaran 75 hingga 80 peratus tahap sara diri (SSL) Negara. Selain itu, kaedah ini dapat meminimumkan impak buruk sekiranya berlaku banjir berikutan musim tengkujuh dan penyelarasan sistem pengurusan ladang secara berkelompok yang ternyata lebih efisien. Sistem bimbingan pertanian juga dapat dilaksanakan melalui Jadual Kerja Ladang yang lebih teratur yang mampu mengurangkan risiko kepada tanaman serta mengelakkan pembaziran input pertanian.

6.3 Nilai Pengeluaran Produk Agromakanan

Pengeluaran produk agromakanan juga adalah penting sebagai pelengkap kepada hasil pengeluaran padi. Kehadapan, usaha dan inisiatif KADA akan beri fokus untuk tingkatkan nilai pengeluaran ke RM150 juta pada tahun 2030.

Antara impak yang dijangka adalah peningkatan kualiti produk agromakanan yang bakal dikeluarkan. Untuk ini, pihak KADA akan pastikan pengusaha bimbingan KADA mempunyai persijilan produk yang menjamin proses pembuatan dan hasil akhir. Berdasarkan perancangan strategik yang dibuat, setiap tahun seramai 3 orang usahawan akan melaksanakan program persijilan bermula pada tahun 2023 dan bertambah dari tahun ke setahun sehingga mencapai sasaran yang ditetapkan kepada 6 orang usahawan pada tahun 2030 yang membolehkan mereka menerokai pasaran yang lebih luas termasuk ke luar Negara. Tambahan, usahawan ini akan juga menambah baik pembungkusan produk agromakanan berkenaan supaya lebih bermaklumat dan menarik perhatian pelanggan. Ini termasuk maklumat nutrisi bagi produk berasaskan makanan.

6.4 Penggunaan Teknologi Dan Inovasi

Teknologi dan inovasi adalah satu perkara penting dalam mendepani cabaran dalam bidang pertanian. Konsep pertanian tepat (*precision farming*) menjadi salah satu agenda utama. Dalam perancangan strategik KADA ini, penggunaan teknologi dan aplikasi inovasi juga diberi perhatian berdasarkan keperluan untuk memodenkan aktiviti pertanian. Sehingga tahun 2020, penggunaan teknologi dan inovasi berada di tahap 85 peratus. Pencapaian ini ada kurang 10 peratus daripada sasaran asal iaitu perlu berada di tahap 95 peratus penggunaan. Terdapat beberapa kekangan yang telah dikenalpasti dan tindakan untuk mengecilkan jurang ini sedang dilaksanakan.

Kehadapan pencapaian yang lebih tinggi telah digariskan. Pihak KADA perlu mencapai 96 peratus penggunaan teknologi dan inovasi terutama dalam inisiatif pengeluaran agromakanan. Impak perancangan strategik ini dapat dilihat melalui pertambahan bilangan usahawan bimbingan KADA yang menggunakan teknologi automasi. Kadar pertambahan adalah sekitar 100 orang usahawan setiap tahun. Inisiatif bakal menghasilkan impak sampingan iaitu pendedahan teknologi yang diterima melalui latihan kemahiran dalam kalangan usahawan dan juga kakitangan KADA. Pengetahuan dan kemahiran teknologi hadir dalam bentuk penggunaan peralatan dan mesin yang terkini untuk pertanian tepat.

Di samping itu, pematuhan terhadap operasi standard penggunaan peralatan berteknologi tinggi akan meningkat seiring dengan kemahiran yang dibina. Impak perancangan semakin jelas dengan peningkatan peratus kawasan penanaman padi secara berpusat menggunakan mekanisasi dari 80 peratus pada tahun 2023 ke 100 peratus pada tahun 2030. Selain itu, projek *Smart Farming* juga menjadi pemangkin kepada penggunaan teknologi yang akan melibatkan pesawah dalam teknologi moden dan pintar.

6.5 Pembangunan Modal Insan

Untuk pembangunan modal insan, impak utama yang boleh dilihat melalui pelan strategik ini adalah penglibatan tenaga mahir selaku sumber utama kepada operasi KADA. Sehingga tahun 2020, tenaga kerja mahir merangkumi 90 peratus daripada sumber manusia di KADA. Mulai tahun 2023, tenaga kerja berkemahiran harus terlibat 100 peratus dalam komposisi sumber manusia KADA. Ini juga termasuk usahawan bimbingan. Modal insan ini bakal menerima latihan yang berbentuk pembangunan kompetensi.

Di samping itu, modal insan yang kompeten bakal beri tumpuan kepada aktiviti-aktiviti pertanian yang memerlukan kemahiran teknologi dan pengurusan. Ini bakal meningkatkan reputasi sektor pertanian selaku sektor yang berkembang pesat dan boleh dipilih sebagai kerjaya.

6.6 Bilangan Usahawan Yang Di Latih

Salah satu agenda dalam Pelan Strategik ini adalah untuk merealisasikan hasrat KADA untuk melahirkan lebih ramai usahawan bimbingan yang terlibat dalam aktiviti perniagaan berasaskan pertanian dan bukan pertanian. Seperti yang dibincangkan sebelum ini, sasaran yang di letakkan adalah untuk melahir dan membimbing seramai 1,500 orang usahawan. Sasaran ini hampir di capai pada tahun 2020 di mana 1,359 telah di bimbing dalam perusahaan seperti pengeluaran makanan. Sasaran seterusnya adalah untuk membimbing 2,000 orang usahawan pada tahun 2030.

Impak yang dapat dinikmati oleh KADA melalui inisiatif ini adalah:

1. Pertambahan bilangan usahawan.
2. Usahawan yang berupaya untuk memperolehi sijil penarafan (seperti Halal, GMP & MESTI).
3. Naik taraf usahawan mikro kepada usahawan kecil industri makanan dan asas tani.

Peserta program pembangunan usahawan di bawah KADA dilihat sebagai penyumbang utama pertumbuhan ekonomi setempat. Dalam kalangan usahawan tersebut, ada yang telah berkembang sehingga saiz sederhana. In bermakna mereka telah berupaya untuk menjana jualan melebihi RM300,000 setahun dan telah beroperasi dengan minimum 5 orang pekerja. Selain daripada dapat menjana pendapatan untuk usahawan terbaik, impak lain dapat dilihat adalah peluang pekerja yang diwujudkan. Kemampuan para usahawan berbuat demikian boleh di lihat kejayaan KADA dalam melatih mereka memahami proses perniagaan dan Standard of Procedure (SOP) yang terlibat. Impak ini lebih besar apabila ada usahawan yang telah mengorak langkah untuk mendapatkan persijilan dalam menghasilkan produk asas tani yang berkualiti. Melalui program persijilan ini, potensi penerokaan pasaran baharu juga terbuka.

Impak juga dapat dilihat melalui pertambahan usahawan yang terlibat dalam pemasaran digital. Penggunaan pemasaran digital akan membantu golongan usahawan untuk memperluaskan capaian pasaran sehingga merentasi sempadan geografi. Selain daripada itu, usahawan juga dilihat dapat mendalami ilmu pengetahuan dalam bidang keusahawanan dan teknik pemasaran yang terkini. Usahawan bimbingan KADA ini juga berupaya untuk memperkembangkan ilmu berkenaan kepada masyarakat setempat melalui latihan tidak formal kepada para pekerja mereka. Penglibatan mereka dalam aktiviti ekonomi digital setempat memberi manfaat dari segi pengurangan kos iaitu merujuk kepada operasi mereka yang kekal di lokasi masing-masing dan masih lagi dapat menjana jualan yang memberangsangkan. Melalui kaedah ini, kadar keuntungan perniagaan mereka akan bertambah baik dari masa ke semasa. Tambahan, para usahawan ini akan terlibat secara langsung dalam rantai nilai pengeluaran industri agromakanan.

6.7 Kemampuan Usahawan Meneroka Pasaran Luar

Salah satu impak perancangan strategik yang dibuat adalah kejayaan para usahawan bimbingan dalam meneroka pasaran baharu luar Negara. Produk IAT yang dipercayai mempunyai potensi akan dipasarkan oleh usahawan yang telah menerima panduan dan latihan daripada agensi seperti MATRADE. Sasaran 30 orang usahawan telah ditetapkan pada tahun 2020. Namun pencapaian yang direkodkan adalah seramai 5 orang sahaja. Kehadapan, pihak KADA akan tingkatkan aspirasi penerokaan pasaran ini dengan mensasarkan 20 orang usahawan yang akan menerokai pasaran antarabangsa menjelang tahun 2030.

Impak untuk penerokaan pasaran ini dapat dilihat dari segi penglibatan dalam pasaran digital yang penting untuk keterlihatan usahawan di peringkat global. Umum tahu, jejak digital syarikat atau usahawan merupakan satu hasil carian dalam talian yang dilaksanakan secara berterusan. Selain itu, usahawan juga akan menerima manfaat dari pengetahuan pasaran (*market knowledge*) apabila menyertai misi perdagangan. Para usahawan bimbingan akan dapat mengenalpasti dan memperluaskan peluang-peluang pasaran. Penggunaan petunjuk-petunjuk pasaran yang disalurkan kepada pengeluar akan memudahkan mereka membuat keputusan mengeluarkan bahan-bahan mentah yang diperlukan untuk menyokong aktiviti pengeluaran berasaskan pertanian dan aktiviti ekonomi yang lain. Ini akan mewujudkan peluang-peluang perniagaan dalam bidang-bidang perniagaan yang lebih luas melalui satu sistem rangkaian aktiviti pertanian dengan aktiviti sektor lain. Rangkaian ini termasuk penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta penjana teknologi, pengeluaran dan pemprosesan primer, pengeluaran produk-produk pertengahan dan guna akhir, pengedaran dan perkhidmatan pemasaran serta produk akhir kepada pengguna.

6.8 Pendapatan Golongan Sasar

Di bawah pengurusan dan operasi KADA, adalah menjadi matlamat utama untuk melahirkan golongan sasaran yang berpendapatan tinggi melalui aktiviti penanaman padi dan agromakanan. Golongan sasaran ini merujuk kepada peserta (pesawah) dan mana-mana pihak yang terlibat dalam rangkaian pengeluaran agromakanan. Mengikut rekod, pihak KADA mensasarkan pendapatan tahunan pesawah pada tahun 2030 perlu berada sekitar RM36,000 iaitu secara purata RM3,000 sebulan. Untuk pencapaian sehingga tahun 2020, setiap pesawah telah dapat menjana pendapatan tahunan berjumlah RM25,532 iaitu secara purata RM2,128 sebulan. Kehadapan masih lagi terdapat peluang dan ruang untuk tambah baik. Walau bagaimana pun, sasaran pendapatan masih dikekalkan di tahap RM36,000 setahun memandangkan ianya adalah optimum untuk sektor berkaitan pertanian.

Impak utama yang dikenalpasti adalah kemampuan golongan sasaran untuk berdikari dalam pengurusan kewangan bulanan mereka. Dalam masa sama, pihak KADA juga mengambil kira faktor luar musim yang mempengaruhi pendapatan bulanan golongan sasaran. Oleh itu, kemahiran pemasaran produk agromakanan telah menjadi fokus utama inisiatif penjana pendapatan. Untuk aktiviti penanaman padi, golongan sasaran disyorkan untuk terlibat secara langsung dalam jadual musim padi. Ini bagi menjamin kos operasi yang minimum dan kualiti padi yang berkualiti bagi menjamin harga jualan yang tinggi. Selain itu, sasaran pendapatan ini juga menjadi pemangkin kepada usaha peserta untuk bekerja dan mengusahakan padi yang lebih berdaya saing dari segi skala dan kualiti. Dua elemen ini akan menjadi kayu ukur utama bagi menjamin pendapatan golongan sasaran yang lebih konsisten. Mereka juga dipercayai akan menggunakan peluang yang tersedia (dari segi pakej bantuan pertanian) dengan lebih baik, tanpa pembaziran.

Keterlibatan golongan sasaran dalam industri agromakanan juga adalah penting dalam inisiatif ini. Aktiviti ekonomi berkaitan agromakanan memberi kepelbagaian skop untuk menjana pendapatan. Impak yang diperhatikan adalah hasil aliran aktiviti agromakanan yang tersedia kepada pasaran pengguna. Untuk itu golongan sasaran akan terus berusaha untuk memperluaskan jaringan pasaran produk agromakanan dan padi.

6.9 Nilai Saham Pertubuhan Peladang Kawasan

Ini adalah impak baharu yang dikenalpasti. PPK adalah institusi yang di miliki oleh peladang-peladang yang ditubuhkan di bawah Akta Pertubuhan Peladang 1973 (Akta 109). Mengikut Syeksyen 7 (3), Akta Pertubuhan Peladang telah mewakilkan sebahagian kuasanya kepada Pengurus Besar KADA sebagai wakil Pendaftar kepada semua Pertubuhan Peladang di dalam kawasan KADA. Di dalam kawasan KADA terdapat 13 buah PPK. Perjalanan PPK dikawal oleh beberapa perundangan iaitu Akta Pertubuhan Peladang 1973 (AKTA 109), Peraturan Pertubuhan Peladang 1973, Perlembagaan Pertubuhan Peladang dan Arahan-Arahan Pendaftar dari masa ke semasa.

Sebagai entiti yang berhasrat untuk meningkatkan taraf ekonomi, sosial dan meninggikan hasil pendapatan ahli-ahli, maka wajar untuk memastikan nilai PPK berada di tahap yang terbaik. Sasaran KADA pada tahun 2030 setiap PPK mempunyai saham bernilai RM13.7 juta. Ini mengambil kira jumlah ahli dan aktiviti agroindustri yang diusahakan. Selain itu, PPK juga terlibat secara aktif dalam rangkaian nilai dan bekalan IAT.



6.10 **Infrastruktur Bekalan Air**

Ini juga adalah impak terkini yang dikenalpasti di bawah skop jaminan bekalan air ke kawasan sawah padi. Elemen utama adalah prestasi agihan bekalan air untuk skim pengairan dan peratus luas bendang yang menerima bekalan air. Ini amat dipengaruhi oleh keadaan semasa infrastruktur sedia ada. Bermula pada tahun 2023, prestasi bekalan air perlu berada di tahap 50 peratus kecekapan. Ia di jangka meningkat naik secara sekata dan pada tahun 2030 kecekapan perlu berada di tahap 90 peratus. Manakala untuk peratus luas bendang yang menerima bekalan air berada di tahap 70 peratus pada 2023 dan mencapai 98 peratus pada 2030.



RUJUKAN

Rumusan Perangkaan 2020 KADA

Laporan Tahunan 2020 KADA

Pelan Strategik KADA 2013-2020


National Agrofood Policy (NAP 2.0)

Buku RMKE11 2021-2025 Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan

Dasar Agromakanan 2.0 (DAN 2.0)

Kerangka Sekuriti Makanan Negara (KSMN)

Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara 2021 – 2025.



**JAWATANKUASA PEMBANGUNAN PELAN
STRATEGIK KADA 2023 – 2030**



**YBhg. Ustaz Haji Muhammad Bin
Hussain
Pengerusi KADA**

**Mohd Faizul Bin Mustafa
Pengurus Besar**

**Abd Rahman Bin Mahmood
Timbalan Pengurus Besar (Operasi)**

**Mohd Razif Bin Abdullah
Timbalan Pengurus Besar
(Pembangunan)**

**Maznah Binti Abdul Razak
Jurutera**

**Wan Mahidin Bin Wan Shafie
Jurutera**

**Wan Badri Bin Wan Omar
Pegawai Tadbir**

**Hasneedawaty Binti Haron
Pegawai Ehwat Ekonomi**

**Syed Mohd Agong Bin Sd Agil
Pegawai Ehwat Ekonomi**

**Ikmal Hisham Bin Mohamed
Pegawai Pertanian**

**Mohamad Harith Bin Ab Halim
Pegawai Pertanian**

**Wan Imran Bin Wan Ab Rahman
Pegawai Pertanian**

**Anies Bin Mohamad Nor
Jurutera**

**Ashadi Bin Che Isa
Jurutera**

**Baharudin Bin Yaakob
Jurutera**

**Shazlan Bin Sekari @ Shokri
Jurutera**

**Wan Fadhli Bin Wan Mamat
Jurutera**

**Wan Nasharudin Bin Wan Abdullah
Jurutera**

**Farizan Binti Che Mud
Pegawai Tadbir**

**Nur Hayati Binti Mohamed
Pegawai Tadbir**

**Muhd Ridzuan Bin Zainol
Pegawai Ehwat Ekonomi**

**Rohani Binti Nordin
Pegawai Ehwat Ekonomi**

**Siti Salwani Binti Mustapa
Pegawai Teknologi Maklumat**

**Mohd Faisal Bin Yusoff
Pegawai Pertanian**

**Nor Hasidah Binti Ishak
Pegawai Pertanian**



**JAWATANKUASA PEMBANGUNAN PELAN
STRATEGIK KADA 2023 – 2030**

**Mohamad Syawal Bin Mohamad
Hasery
Pegawai Pertanian**

**Mohd Hisyam Bin Daud
Pegawai Pertanian**

**Noor Azsyikin Binti Mohd Azawi
Pegawai Pertanian**

**Norfaizah Binti Ismail @ Yusof
Pegawai Pertanian**

**Md Hafizam Bin Ariffin
Jurutera**

**Muhammad Hanif Bin Ab. Llah
Zawawi
Jurutera**

**Muhammad Hazwan Bin Mohamad
Jurutera**

**Rohaida Binti Mohd Rahim
Jurutera**

**Raitini Binti A. Rahman
Pegawai Tadbir**

**Ismalina Binti Ismail
Pegawai Audit**

**Amir Atif Bin Abdul Razak @
Mohamed
Jurutera**

**Mohd Ashri Bin Abdul Wahab
Jurutera**

**Annissa Binti Mashrol
Akauntan**

**Ammar Firdaus Bin Hassan
Pegawai Pertanian**

**Mohd Rosdi Bin Hussin
Penolong Jurutera**

**Aziana Binti Abdul Aziz
Penolong Jurutera**

**Ammar Firdaus Bin Hassan
Pegawai Pertanian**

**Zainab Binti Abdullah
Penolong Pegawai Pertanian**

**Ahmad Nabil Bin Mohd Nawawi
Penolong Pegawai Pertanian**

**Mat Fakri Bin Mat Hassan @ Yusuf
Penolong Pegawai Pertanian**

**Abdullah Bin Mohamad
Penolong Pegawai Pertanian**

**Nurhanis Nabila Binti Mohd Fandi
Penolong Pegawai Pertanian**


**Syamsul Rizal Bin Omar
Penolong Pegawai Pertanian**

**Zulaikha Binti Ibrahim
Penolong Pegawai Pertanian**

**Mohd Subki Bin Hamid
Penolong Pegawai Pertanian**

**Nor Amirah Binti Ghazali
Penolong Pegawai Pertanian**

**Wan Nor Azliza Binti Wan Him
Penolong Pegawai Pertanian**



**JAWATANKUASA PEMBANGUNAN PELAN
STRATEGIK KADA 2023 – 2030**



**Wan Nur Fatin Iezyan Binti Wan Alias
Penolong Pegawai Pertanian**

**Nor Liyana Binti Abdullah Halim
Penolong Pegawai Tadbir**

**Dayang Suhana Binti Mat Daud
Pembantu Tadbir**

**Prof. Madya Ts. Dr. Zuraimi Bin Abdul Aziz
Pengarah
Pusat Strategik dan Risiko
Universiti Malaysia Kelantan**

**Prof. Madya Ts. Dr. Zailani Bin Abdullah
Dekan
Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan
Universiti Malaysia Kelantan**

**Prof. Madya Dr. Dzulkifli Bin Mukhtar
Pengarah
Global Entrepreneurship Research and
Innovation
Universiti Malaysia Kelantan**

**Dr. Nik Syuhailah Binti Nik Hussin
Pensyarah Kanan
Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan
Universiti Malaysia Kelantan**

**Dr. Azira Hanani Binti AB Rahman
Pensyarah Kanan
Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan
Universiti Malaysia Kelantan**



Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI

ISBN 978-629-98364-1-4



9 786299 836414